



MB sampaikan mesej Sultan Selangor

Kekalkan kestabilan

Mohamed Azmin memberi jaminan kestabilan dan keutuhan Kerajaan Selangor untuk fokus kepada usaha memenuhi aspirasi rakyat melalui penjana pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial.

BERITA LANJUT DI MUKA 2



Gambar oleh Rahimie Ariffin

RAHMAT RAMADAN... Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bersama-sama dalam program edaran Bubur Lambuk kepada orang ramai di Masjid Negeri Shah Alam. Aktiviti tahunan itu menerima sambutan hangat masyarakat ekoran kelazatan resepi tradisinya.

DAP: Bubar DNS penyelesaian tak diinginkan

Perjumpaan dengan Dato' Menteri Besar penting dan perlu di-segerakan untuk menyelesaikan kemelut politik secepat mungkin. Selagi mesyuarat belum diadakan, tidak hairanlah ada pihak yang mencetuskan sangkaan buruk dalam media

BERITA DI MUKA 2

Bukan Islam meriahkan Ramadan

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh tidak terkecuali dan sering hadir bersama umat Islam ketika majlis berbuka puasa. Berlainan agama bukan alasan untuk tidak menjaga kebajikan rakyat berbeza kepercayaan.

BERITA DI MUKA 3

MB serah kunci rumah mangsa banjir Kelantan

Pembinaan itu atas rasa tanggungjawab membantu rakyat Kelantan yang memerlukan pembelaan selepas kehilangan tempat berteduh akibat bencana banjir, Disember lalu.

BERITA DI MUKA 4&5

Strategi bangun bandar raya karbon rendah, hijau

Sempena sembilan tahun pengistiharan Petaling Jaya sebagai bandar raya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan aspirasi dalam membentuk imej berdaya huni, sejahtera dan mampan menjelang 2030.

TEMU BUAL EKSKLUSIF BERSAMA DATUK BANDAR PETALING JAYA, MOHD AZIZI MOHD ZAIN
DI MUKA 6&7

LZS agih RM30.8 juta zakat

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntuk RM30.8 juta untuk diagih kepada 41,568 keluarga asnaf dan fakir miskin di negeri itu, tahun ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Haris Kasim, berkata Petaling mencatat jumlah tertinggi melibatkan peruntukan lebih RM5.12 juta kepada

6,880 keluarga.

"Keluarga asnaf fakir menerima antara RM600 hingga RM1,000 mengikut tanggungan manakala asnaf miskin RM550 hingga RM1,000.

"Bantuan bukan sekadar memenuhi keperluan tapi bersifat memberi joran demi kehidupan masa depan," katanya pada program Agihan Bantuan Ramadan dan Syawal, 17 Jun lalu.

Haris berkata, bantuan modal

turut diberi bagi memberi peluang asnaf menjalankan perniagaan di bazar Ramadan.

"Ia sebagai galakan kepada asnaf sejajar dengan sasaran LZS melahirkan usahawan asnaf, sekali gus keluar dari kepompong kemiskinan.

Penerima, Haizan Ibrahim, 40, menghargai usaha LZS membantu asnaf untuk turut sama menyambut Ramadan dengan lebih meriah.

"Sebelum ini, kami hanya sambut ala kadar mengikut kemampuan. Alhamdulillah, bantuan zakat adalah kegembiraan buat kami sekeluarga," katanya.

Penerima, Nor Hayati, 46, pula pertama kali pertama menerima bantuan sara hidup dari LZS.

"Ia meringankan beban kami sekeluarga untuk membeli keperluan asas memandangkan kos barangan makin meningkat," katanya.

Sultan: Kekalkan kestabilan negeri

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu Kerajaan Selangor terus stabil untuk membangunkan negeri dan melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

Mengikuti kenyataan media Mohamed Azmin Ali pada 23 Jun lalu, baginda berkata demikian selepas mengambil maklum penjelasan Dato' Menteri Besar itu.

Mohamed Azmin memberi jaminan kestabilan dan keutuhan Kerajaan Selangor untuk fokus kepada usaha memenuhi aspirasi rakyat melalui penjana pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial.

Beliau juga maklumkan baginda mengenai masalah dalam Pakatan Rakyat di peringkat nasional.

Selain itu, memaklumkan antara lain kemajuan dalam memuktamad Perjanjian Utama Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air di Selangor.

Mohamed Azmin mengadap baginda berikutan beliau bertanggungjawab memaklumkan DYMM Sultan Selangor mengenai urusan kerajaan sebelum mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Terdahulu, beliau pada 18 Jun lalu menyatakan pertemuan dengan Sultan Sharafuddin Idris



gambar hiasan

Shah tidak menyentuh soal pembubaran Dewan Negeri Selangor (DNS).

Menafikan laporan Bernama yang kemudian dipetik portal tempatan, kononnya mengadap Sultan Selangor bagi memberi penjelasan hal itu, beliau berkata:

"Tidak ada asas langsung. Tiada keperluan (untuk pembubaran DNS). Jangan heret istana dalam krisis politik. Kita hormati institusi diraja."

Mohamed Azmin memberi jaminan kestabilan dan keutuhan Kerajaan Selangor untuk fokus kepada usaha memenuhi aspirasi rakyat melalui penjana pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial

DAP: Bubar DNS penyelesaian tak diinginkan

SHAH ALAM - DAP Selangor sebulat suara memutuskan untuk menjadikan pembubaran Dewan Negeri Selangor (DNS) sebagai penyelesaian akhir.

Pengerusinya, Tony Pua, berkata DAP Selangor tidak mahu menjejaskan Kerajaan Negeri, malah menyifatkan pembubaran sebagai sesuatu yang tidak diinginkan.

"Sebulat suara mengambil keputusan supaya tidak berniat menjejaskan kerajaan Selangor dan pembubaran DNS Selangor adalah penyelesaian akhir yang langsung tidak diinginkan," katanya.

Pada kenyataan media 20 Jun lalu, beliau berkata, DAP Selangor juga mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian untuk dibincang dengan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Perjumpaan dengan Dato'



Tony Pua

Menteri Besar penting dan perlu disegerakan untuk menyelesaikan kemelut politik secepat mungkin.

"Selagi mesyuarat belum diadakan, tidak hairanlah ada pihak yang mencetuskan sangkaan buruk dalam media," katanya, menambah permintaan

itu sudah disampaikan dan menunggu penetapan tarikh dan masa.

Beliau juga mencadangkan sebuah 'Kerajaan Gabungan Negeri Selangor' yang berasas kepada Kerangka Dasar Bersama dan manifesto kerajaan Selangor.

Sementara itu, Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming juga sependapat atas alasan DNS Selangor tidak perlu dibubar berikutan Mohamed Azmin memiliki majoriti selesa.

Beliau berkata, ia berikutan Mohamed Azmin mendapat sokongan penuh 43 Adun iaitu 15 dari DAP, 13 (PKR) dan 15 (PAS).

"Sokongan melebihi 3/4 majoriti itu membuktikan Azmin berhak menerajui Selangor selaras dengan Perlembagaan Negeri," katanya.

Anwar: Fitrah gabungan politik telus

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan tekanan dan ketegangan antara PKR, PAS dan DAP adalah fitrah gabungan politik yang telus serta demokratik.

"Tak bermakna ia masalah dihadapi gagal diatasi. Saya percaya pembangkang akan muncul bersatu dan lebih kuat selepas disusun semula dengan kekuatan baharu.

"Saya gesa teman seperjuangan dalam pembangkang dan rakyat untuk terus bergerak dalam perjuangan hingga kemenangan dikecapi serta Malaysia diselamatkan," katanya.

Pada kenyataan media 23 Jun lalu, Ketua Umum PKR itu berkata, pembangkang masih berfungsi dan teguh di peringkat Kerajaan Negeri dan Parlimen.

Beliau juga yakin pembangkang akan kembali dengan kekuatan baharu bagi menumbangkan kerajaan Umno BN.

Katanya, niat dan semangat pembangkang dalam perjuangan menyelamatkan Malaysia dari kepincangan tatakelola BN tetap utuh.

"Kita berusaha menjalin kesepakatan yang lebih kukuh dan



Tak bermakna ia masalah dihadapi gagal diatasi. Saya percaya pembangkang akan muncul bersatu dan lebih kuat selepas disusun semula dengan kekuatan baharu

ANWAR IBRAHIM
Ketua Umum PKR

kekal supaya rakyat dapat diberi khidmat lebih baik," katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, pembangkang masih berfungsi dan teguh di peringkat Kerajaan Negeri dan Parlimen.

Rafizi: Kerajaan Selangor kukuh

KUALA LUMPUR - Kerajaan kepimpinan bersama DAP, PAS dan PKR di Selangor dan Pulau Pinang kekal stabil walaupun ada pergeseran antara parti berkenaan.

Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli, berkata ia tidak mengganggu kestabilan negeri khususnya Selangor kerana DAP dan PAS menyokong Mohamed Azmin Ali kekal selaku Dato' Menteri Besar.

"Perlembagaan negeri memaklumkan sesiapa ahli dewan yang mendapat majoriti daripada yang lain boleh menubuhkan kerajaan sama seperti di Parlimen.

"Jadi, dua parti iaitu PAS dan DAP bersetuju untuk kekalkan Mohamed Azmin. Begitu juga di Pulau Pinang," katanya kepada media berhubung kedudukan Kerajaan Selangor 18 Jun lalu.

Menyatakan ia bukan pertama kali ketiga-tiga parti dilanda masalah, Rafizi tidak menolak kemungkinan Pakatan akan kekal



Rafizi Ramli

jika tiga parti komponen itu kembali bermuafakat.

"Sebelum ini, ada masalah tetapi kita duduk bersama dan cari jalan penyelesaian.

"Kali ini, dua perkara iaitu usul PAS dan tindak balas DAP tidak dibincangkan secara bersama. Itu yang terjadi," katanya.

OLEH HAFIZAN TAIB

SUBANG JAYA - Masjid dan surau sekitar sini terus disemarakkan sempena sambutan Ramadan baik dalam kalangan umat Islam mahupun bukan Islam.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh tidak terkecuali dan sering hadir bersama umat Islam ketika majlis berbuka puasa.

Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) itu berkata, berlainan agama bukan untuk menjaga kebajikan rakyat berbeza kepercayaan.

"Walaupun saya Kristian, saya akan jaga kebajikan orang Islam," katanya yang menyalur sumbangan RM10,000 kepada Masjid Al-Falah di sini, 22 Jun lalu.

Malah, beliau kali ini menyampaikan sumbangan RM30,000 kepada semua masjid dan surau.

"Tahun ini berbeza, kita beri sumbangan kepada enam masjid dan 18 surau. Selalunya, kita lawat tetapi kali ini kita gabungkan semua dalam satu majlis," katanya kepada Selangor Kini.

Setiap masjid menerima

Bukan Islam meriahkan Ramadan

“

Tahun ini berbeza, kita beri sumbangan kepada enam masjid dan 18 surau. Selalunya, kita lawat tetapi kali ini kita gabungkan semua dalam satu majlis

HANNAH YEOH
Speaker DNS

RM2,000 manakala surau RM1,000.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen dan Nazir Masjid al-Falah, Datuk Seri Syed Zainal Abidin.



Sumbangan DUN Subang Jaya bagi menyemarakkan sambutan Ramadan

MB agih bubur lambuk



Bubur Lambuk diagihkan kepada orang ramai di Masjid Negeri Shah Alam

SHAH ALAM - Orang ramai tidak melepaskan peluang menerima bubur lambuk yang diagih sendiri Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Ia berlangsung pada hari pertama Ramadan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 11 Jun lalu.

Kesempatan itu diperoleh apabila Mohamed Azmin sendiri mahu

mengagih bubur itu selepas Majlis Pelancaran Bubur Lambuk dan Pengimarah Masjid.

Ia menggembirakan orang ramai, apatah lagi kemesraan Mohamed Azmin bersama orang ramai memang dirasai dalam program itu.

Program tahunan anjuran masjid negeri itu bersempena sambutan Ramadan bagi mengimarah masjid melalui pelbagai aktiviti.

Program tahunan anjuran masjid negeri itu bersempena sambutan Ramadan bagi mengimarah masjid melalui pelbagai aktiviti

Ambil peluang bertadarus

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengambil kesempatan bertadarus pada hari pertama Ramadan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau disertai Ustaz Mohd Fahmi Ashraf Razali pada sesi yang berlangsung kira-kira sejam.

Mohamed Azmin kemudian hadir dalam Majlis Pelancaran Pengagihan Bubur Lambuk dan Pengimarah Masjid yang diadakan selepas Asar.

Mohd Fahmi gembira kerana berpeluang menjalankan aktiviti itu bersama-sama pemimpin nombor satu negeri.

"Saya bersyukur," katanya.



MB serah kunci rumah mangsa banjir Kelantan

OLEH NAEEM RAFFI

KUALA KRAI - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Mangsa Banjir di Manik Urai kepada Kerajaan Kelantan.

Pembinaan itu atas rasa tanggungjawab membantu rakyat Kelantan yang memerlukan pembelaan selepas kehilangan tempat berteduh akibat bencana banjir, Disember lalu.

"Selangor catat pertumbuhan ekonomi baik tetapi ia tidak membawa makna jika kekayaan itu gagal diagih secara adil, bukan sahaja kepada rakyat negeri ini, bahkan mereka yang memerlukan bantuan dan pembealaan.

"Kita lihat Kerajaan Kelantan tunjukkan kesungguhan membangunkan negeri walaupun dalam keadaan terbatas.

"Maka, menjadi tanggungjawab Selangor membantu sementara mempelajari dari Kelantan bagaimana dapat bangunkan modal insan melalui prinsip adil, bersih dan peduli rakyat," katanya.

Beliau berkata pada majlis yang turut dihadiri Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dan delegasi Selangor.

Antaranya, Setiausaha Politikanya, Shuhaimi Shafiei dan



Exco Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad; Dr Daroyah Alwi, Zaidy Talib dan Amirudin Shari

Rumah setingkat sepenuhnya daripada teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) itu dibina atas tanah seluas 6.99 ekar di Daerah Olak Jeram, Jajahan Kuala Krai dan dijangka siap

sepenuhnya menjelang Ogos ini.

"Kita mahu siapkan projek lebih awal tetapi ada beberapa keperluan perlu diselesaikan sebelum pemaju boleh memulakan kerja tapak.

"Setiap unit bernilai RM62,000 tidak termasuk prasarana se-

perti jalan raya dan kolam takungan banjir," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Selangor komited membantu Kelantan membangunkan negeri itu walaupun sumbangannya tidak seberapa.

"Selangor gembira dapat bekerjasama dengan kerajaan

yang mengamalkan pentadbiran bersih, adil dan menjadikan prinsip kepedulian rakyat sebagai teras.

"Hubungan ini bukan sesuatu yang baru tetapi ia amat utuh dan penuh komitmen untuk bersama menjamin keadilan sosial rakyat," katanya.

Kerjasama diperkemas

KOTA BHARU - Hubungan erat antara Kerajaan Selangor dan Kelantan akan diperkemas bagi melonjakkan kemampuan dua negeri itu melunaskan aspirasi rakyat.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Selangor sentiasa membantu Kelantan dalam pelbagai sektor melalui dasar peduli rakyat, .

"Tidak wajar dan adil untuk Selangor, juga Kelantan bersaing kerana asas ekonominya berbeza.

"Tetapi tanggungjawabnya saling melengkapi dan bantu membantu," katanya pada Majlis Meraikan Delegasi Selangor ke Kelantan di Hotel Perdana, 17 Jun lalu.

Hadir sama, Menteri Besar

Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Faudzi Che Mamat.

Mohamed Azmin komited menjalin kerjasama melalui penglibatan anak syarikat Kerajaan Selangor untuk melabur di Kelantan.

"Kita akan bincang bagaimana Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebagai pemaju hartanah dapat membantu Kelantan membangun hartanah.

"Kita juga boleh jalinkan kerjasama akademik berikutan Selangor ada dua universiti iaitu KUIS dan UNISEL," katanya.

Beliau berkata, Selangor pula mahu mempelajari kebolehan Kelantan membangun modal insan yang mapan walaupun berdepan keterbatasan ekonomi.



MBI hulur zakat RM1 juta

KUALA KRAI - Pembedanan Menteri Besar (MBI) menyumbang zakat bernilai RM1 juta kepada Kerajaan Kelantan, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, ia bagi membantu meringankan keterbatasan Kelantan membangunkan semula prasarana dan perumahan rakyat yang musnah akibat banjir.

"Zakat itu bertujuan menampung sebahagian projek pembangunan semula berkaitan banjir.

"Ini kerjasama antara kedua-dua negeriselain perancangan strategik berkaitan pelaburan, pelancongan dan pendidikan pada masa depan," katanya pada majlis Penyerahan Kunci Rumah Desa Darul Ehsan di Manik Urai, 17 Jun lalu.

Kerajaan Selangor membina 60 unit rumah pasang siap dikenali sebagai Rumah Darul Ehsan dengan kos hampir RM6 juta untuk mangsa banjir.

Ia dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Lembaga Perumahan dan



Hartanah Selangor (LPHS).

Pada majlis itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob (**gambar**) menyatakan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Selangor.

"Bantuan berterusan ini mencipta sejarah besar kepada hubungan antara kedua-dua negeri ini. tidak akan dilupakan," katanya.

Pada 26 Disember lalu, Kerajaan Selangor menyerahkan RM1 juta kepada Kerajaan Kelantan di Masjid Telipot, Kota Bharu ketika melawat pusat pemindahan mangsa banjir.



MB naik kelas ekonomi

KOTA BHARU - Penerbangan kelas ekonomi menjadi pilihan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan 45 orang delegasi Selangor ke Kelantan.

Ia menarik perhatian penumpang pesawat MAS itu, malah sebahagian mereka mengambil kesempatan bersalaman dengan Mohamed

Azmin dan exco negeri.

Mereka mahu menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Bantuan Banjir 'Rumah Desa Darul Ehsan' di Manik Urai

Mereka tiba di Lapangan Terbang Sultan Petra jam 7.30 malam dan disambut wakil Kerajaan Kelantan dan PKR negeri.

Strategi bangunkan bandar raya karbon rendah, hijau

Menginjak usia 63 tahun, bandar yang ditadbir Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu meneruskan aspirasi dalam membentuk imej berdaya huni, sejahtera dan mampan menjelang 2030. Ikuti temu bual wartawan Selangor Kini, **AFEEQA AFEERA** bersama **DATUK BANDAR PETALING JAYA, MOHD AZIZI MOHD ZAIN** sempena sembilan tahun pengisytiharan Petaling Jaya sebagai bandar raya.



Apakah misi dan visi yang cuba diketengahkan selari dengan Petaling Jaya sebagai bandar raya peneraju, dinamik dan lestari?

Setelah sembilan tahun menjadi bandar raya, MBPJ perlu berada pada tahap yang setaraf dengan usianya iaitu perkhidmatan majlis perlu ditingkat dan sebarang kelemahan diperbaiki demi kepentingan pembayar cukai dan masyarakat.

Dalam tempoh sembilan tahun lalu, persepsi masyarakat berbeza berbanding tiga tahun lalu tetapi perkhidmatan MBPJ masih sama iaitu mengurus pembersihan sisa pepejal serta mewujudkan infrastruktur yang baik dan lengkap.

Cuma bila disebut masa depan, kita mahu wujudkan bandar raya berkarbon rendah, hijau dan bebas halangan. Manakala misi menjadi bandar raya berhuni itu mesti melibatkan penduduk supaya mereka tahu pembangunan yang berlaku di kawasan mereka.

MBPJ akan terus mendokong iltizam menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya berhuni dan

disayangi melalui tadbir urus baik dengan menekankan prinsip pembangunan sosial, alam sekitar mampan, pembangunan bandar dan lain-lain.

Apakah cabaran untuk menjayakan Petaling Jaya sebagai bandar raya berdaya huni dan sejahtera?

Masalah bandar raya dengan perbandaran, sama iaitu berkaitan kutipan sampah dan infrastruktur. Cuma bandar raya ada tambahan masalah lalu lintas ekoran pertambahan penduduk.

Ini menjadi perhatian MBPJ untuk meningkatkan kecekapan aliran lalu lintas dengan melaksanakan jalan sehalu seperti kebanyakan bandar raya lain, tetapi apabila proses pembangunan berjalan pasti berlaku sedikit gangguan.

Sebab itu, kita ada pelan pengangkutan dengan mewujudkan jawatankuasa yang akan memantau perkhidmatan yang diberi memandangkan kehendak masyarakat tidak sama.



“ Kita mahu wujudkan bandar raya berkarbon rendah, hijau dan bebas halangan. Manakala misi menjadi bandar raya berhuni itu mesti melibatkan penduduk supaya mereka tahu pembangunan yang berlaku di kawasan mereka

MOHD AZIZI
Datuk Bandar MBPJ

Pembinaan lebuh raya atau jalan raya tidak menyelesaikan masalah, sebaliknya pengangkutan awam perlu ditingkatkan dan menggalakkan masyarakat mengguna kenderaan awam.

Sebab itu kita



Gambar ehsan internet

“

MBPJ berhasrat mewujudkan kawasan berbasikal dengan menawarkan perkhidmatan sewaan dan laluan khas bagi tujuan itu. Oleh itu, masyarakat tidak perlu guna kenderaan peribadi, sebaliknya menggunakan basikal atau pengangkutan awam lain

wujudkan PJ City Bus untuk mengurangkan kesesakan trafik dan beri perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

Sejauh mana sambutan masyarakat terhadap perkhidmatan bas percuma setakat ini?

Bas percuma adalah inisiatif baik kerana respon penumpang rata-ratanya sangat positif. Perkhidmatannya secara tidak langsung memberi imej baik kepada Kerajaan Negeri yang menyokong penggunaan pengangkutan awam.

Kita berhasrat menambah bilangan bas sedia ada termasuk beberapa laluan baru pada tahun hadapan bergantung kepada perbincangan dan belanjawan.

Saya percaya inisiatif ini akan turut dilaksanakan di pihak berkuasa tempatan (PBT) lain seperti Shah Alam, Klang, Ampang Jaya dan lain-lain.

Memiliki hasrat menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar untuk semua, bagaimana bentuk infrastruktur untuk orang kurang upaya (OKU)?

MBPJ menyediakan van transit untuk OKU termasuk laluan khas bagi mereka yang memiliki masalah penglihatan dan tempat letak kereta berbumbung.

Sebelum pembangunan baru diluluskan, MBPJ mewajibkan premis perniagaan memenuhi kehendak bebas halangan dan mesra OKU.

Inisiatif ini sebenarnya sudah dilaksanakan sejak 2000 lagi.

Petaling Jaya banyak terkait dengan isu pembinaan lebuh raya yang menimbulkan kontroversi. Bagaimana MBPJ menangani hal itu?

Sebelum sesuatu lebuh raya itu mendapat kelulusan merancang,

kita akan lihat dulu bantahan penduduk selaras dengan slogan Kerajaan Selangor "Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan".

Keluhan rakyat perlu didengar, malah hubungan baik dengan masyarakat diperlukan di Petaling Jaya terutama berkaitan pembinaan lebuh raya.

Sesuatu pembangunan, kalau mahu dilaksanakan pasti ada halangan, tetapi MBPJ perlu tangani secara bijak. Kita menetapkan syarat supaya pemaju yang mendapat kelulusan perlu mengikut syarat yang ditetapkan.

Apakah langkah MBPJ bagi memperbaiki sistem aduan sedia ada supaya lebih mesra pengguna dan bertindak dalam tempoh singkat?

Kita ambil pendekatan supaya sesuatu aduan perlu diselesaikan segera terutama yang tidak memerlukan peruntukan besar seperti lampu jalan, sampah, longkang dan lain-lain.

Kita ada mesyuarat setiap Rabu untuk bincang aduan dengan memanggil jabatan bertanggungjawab jika masalah tidak selesai.

Kita mahu perbaiki aduan yang tidak perlu peruntukan besar supaya lebih cepat bertindak kerana ia akan beri kesan, seolah-olah MBPJ tidak buat kerja.

Apakah jenis aduan paling tinggi diterima setakat ini?

Aduan paling tinggi berkaitan longkang kerana kebanyakan premis perniagaan menutup longkang hingga menyukarkan kerja pembersihan. Ini menyebabkan timbulnya isu demam denggi dan longkang tersumbat.

Justeru, hasil perbincangan bersama persatuan peniaga, MBPJ memutuskan untuk memecahkan longkang di premis mereka jika masih melanggar syarat.

Apakah kelainan yang cuba ditonjolkan pada masa akan datang?

Kita memfokus kepada penyediaan kemudahan berkaitan kawasan lapang atau riadah seperti laluan pejalan kaki dan lorong basikal.

MBPJ berhasrat mewujudkan kawasan berbasikal dengan menawarkan perkhidmatan sewaan dan laluan khas bagi tujuan itu. Oleh itu, masyarakat tidak perlu guna kenderaan peribadi, sebaliknya menggunakan basikal atau pengangkutan awam lain.

Ini antara perancangan masa depan kita yang menekankan konsep mesra alam (*eco-mobility*).

Azmin tak cerewet menu berbuka

“

Suami saya seorang yang 'simple' termasuk makan. Berbuka dengan hanya telur mata kerbau pun, beliau okay

SHAMSHIDA TAHARIN

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Sekalipun kedudukannya sebagai pemimpin nombor satu negeri, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali tetap mengamal kehidupan bersederhana, khususnya pada Ramadan.

Isterinya, Shamshida Taharin berkata, suaminya tidak cerewet walaupun berbuka puasa makan nasi hanya dengan telur goreng.

"Suami saya seorang yang 'simple' termasuk makan. Berbuka dengan hanya telur mata kerbau pun, beliau okay," katanya kepa-

da Selangorkini.

Beliau berkata, minuman teh panas, air kosong dan kurma antara menu berbuka puasa Mohamed Azmin.

"Lepas balik solat sunat terawih, beliau makan nasi. Sahur tak makan berat," katanya yang bersyukur kerana suaminya cuba meluangkan masa bersama keluarga walaupun sibuk dengan urusan negeri.

"Alhamdulillah, pertama Ramadan kami berbuka puasa di rumah ibu suami dan terawih bersama keluarga di masjid berhampiran," katanya.



MB: Isu air sampai penghujung

SHAH ALAM - Selangor komited menyelesaikan perjanjian penstrukturan industri air berikutan kesungguhan Kerajaan Negeri dan Persekutuan kian mencapai persefahaman.

Menolak dakwaan ia gagal dimeterai, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kenyataan berhubung perkara itu sudah dibuat dan berharap ia dapat dimuktamad.

Katanya, Kerajaan Negeri turut merakam penghargaan berikutan tindakan Kerajaan Persekutuan yang proaktif bagi menyelesaikan isu terbabit.

"Kita sudah sampai ke peng-

hujung. Harap dalam tempoh seminggu dua, kita boleh muktamadkan," katanya ketika ditemui pemberita, 18 Jun lalu.

Terdahulu, Mohamed Azmin menyifatkan pertemuan bersama Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili untuk memuktamadkan perjanjian sebagai memuaskan.

"Saya sudah jumpa menteri. Pertemuan baik dengan menghasilkan satu keputusan iaitu kedua-dua pihak bersetuju memuktamadkan dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita 14 Jun lalu.

“

Saya sudah jumpa menteri. Pertemuan baik dengan menghasilkan satu keputusan iaitu kedua-dua pihak bersetuju memuktamadkan dalam masa terdekat

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Tepung Pelita tak lapuk dek zaman



SHAH ALAM - Biar kuih tepung pelita mudah didapati di mana-mana tetapi gerai Inn Tepung Pelita tetap menjadi pilihan ramai hingga sanggup beratur panjang.

Di Bazar Ramadan Seri Muda, pembeli mula beratur seawal jam lima petang bagi mendapatkan juadah itu sekalipun berpuluh-puluh orang sedang beratur.

Turut dikenali sebagai kuih sampan, ia menjadi kegemaran masyarakat sepanjang Ramadan kerana teksturnya yang lembut dan harga berpatutan iaitu RM2 bagi lima ketul.

Penggemar kuih itu, Asmah Jumadil, 27, menyifatkan Inn Tepung Pelita sangat berbeza dengan hidangan jenama lain yang dianggap kosong rasanya.

"Inn Tepung Pelita ini manis, lemak dan pandannya cukup sempurna. Ia menepati cita rasa peminat tepung pelita sejati seperti saya.

"Setiap tahun memang saya datang gerai ini untuk dapatkan



Asmah Jumadil

juadah itu. Ia juadah wajib berbuka saya," katanya kepada Selangor Kini.

Pembeli, Tengku Ariff Tengku Ahmad, 30, dari Seri Muda juga mengakui Inn Tepung Pelita menjadi pilihannya sejak zaman bujang.

"Saya sudah lima tahun kahwin. Sebelum itu lagi, saya sudah biasa membeli juadah ini.

"Bayangkan berapa lama mer-



Tengku Ariff

eka bertahan. Saya pasti mereka bertahan kerana sentiasa mengutamakan kualiti," katanya.

Tidak kurang popular ialah jenama Tepung Pelita Paya Jaras yang turut mendapat tempat di hati pengunjung hingga terpaksa mengupah lebih 100 pekerja setiap hari untuk jualan di 46 bazar.

Pengusaha Tepung Pelita Paya Jaras, Nadzri Taris, 41, berkata permintaan juadah itu meningkat setiap kali Ramadan sejak memulakan perniagaan kecil-kecilan di Pasar Malam Paya Jaras, pada 1999.

"Sudah 16 tahun. Pada masa itu, saya hanya jual kira-kira 15 dulang tetapi permintaan meningkat. Kini, perniagaan berkembang berkat kesungguhan.

"Yang penting, saya mengekalkan resipi tradisi dan kualiti produk supaya terus mendapat sambutan," katanya.



TINJAUAN ORANG RAMAI

Umat Islam perlu bersederhana sepanjang Ramadan dan mengelak pembaziran makanan. Apatah lagi, media mendedahkan rakyat Malaysia membuang kira-kira 270,000 tan makanan yang tidak disentuh dan boleh dimakan semula pada Ramadan

“Islam mengajar berbelanja secara bersederhana setiap masa, termasuk sewaktu berbuka puasa. Sebaliknya masyarakat berbelanja besar dengan beraneka juadah makanan kerana terlalu ikutkan nafsu yang lapar dan akhirnya berlaku pembaziran.

Muhammad Akmal Abdul Latip, 25, Kerani



“Masyarakat disaran memasak sendiri elak dari membeli di luar. Kebelbihannya, kita dapat hidangan dalam kuantiti banyak untuk seisi keluarga dan kos bahan juga tidak semahal membeli juadah di bazar yang semakin tidak berbaloi.

Farhana Ismail, 28, Pemilik Butik

“Mentaliti masyarakat perlu diubah kerana kebanyakan mereka pembeli juadah bukan mengikut keperluan, tetapi mengikut nafsu. Kita juga perlu prihatin terhadap rakyat kurang berkemampuan supaya dapat dididiri tidak berlebihan dalam membeli juadah di bazar Ramadan.

Nuraini Ismail Johari, 26, Ejen Insurans



10 baucer buka puasa percuma

SHAH ALAM - Lima pemenang bertuah berpeluang memenangi baucer berbuka puasa bernilai RM166 di Shah Alam Convention Centre (SACC).

Pertandingan anjuran SACC dengan kerjasama SelangorKini itu hanya memerlukan peserta memenuhi tiga langkah mudah.

Mereka yang berminat perlu menekan butang 'Like' Facebook SACCofficialnew dan Media Selangorku.

Kemudian, menjawab

Pertandingan bermula awal Ramadan dan berakhir 22 Jun bersamaan 6 Ramadan. Pemenang juga perlu menebus dua baucer setiap orang sebelum 14 Julai

soalan mudah pada gambar yang dikongsi dengan hashtag #contestramadansacc sebelum berkongsi di dinding Facebook.

Pertandingan bermula awal Ramadan dan berakhir 22 Jun bersamaan 6 Ramadan.

Pemenang juga perlu menebus dua baucer setiap orang sebelum 14 Julai dan membuat tempahan serta mengesahkan kehadiran tiga hari sebelum tarikh dipilih.



Sumbang lebih makanan kepada orang miskin

Peti Ais Rakyat kongsi makanan

OLEH NORHAYATI UMOR

AMPANG - Projek amal 'Peti Ais Rakyat' buat pertama kalinya di negara ini dilaksanakan Parlimen Ampang bagi golongan kurang berkemampuan.

Berkonsep dari rakyat kepada rakyat, Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin berkata inisiatif itu diwujudkan selepas mengambil kira situasi ekonomi masa kini.

"Ia sudah dicadang ke peringkat Kerajaan Selangor dan Parlimen Ampang menjadi model pelaksanaannya sebelum diperluas ke kawasan lain.

"Selain diwujudkan bagi membantu golongan kurang berkemampuan ia sebagai langkah

elak pembaziran makanan.

"Mereka yang ada makanan berlebihan tetapi bukan sisa, boleh salurkan sumbangan. Sesiapa yang memerlukan boleh datang ambil," katanya.

Zuraidah berkata, orang ramai boleh menyumbangkan makanan asalkan halal dan makanan yang dimasak dalam keadaan baik.

"Kita juga ada petugas yang bergerak secara mobil untuk pengambilan," katanya.

Enam restoran bekerjasama menyalur bantuan makanan berlebihan ke Peti Ais Rakyat yang ditempatkan di satu premis di tempat letak kereta, Satay Station, Ampang.

Ia dibuka setiap hari kecuali Rabu, dengan waktu pem-

berian bermula jam 7 malam hingga 11 malam manakala waktu penerimaan jam 9 pagi hingga 11 malam.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi sedang mempertimbangkan kemungkinan ia diperluas ke Selangor.

Mengakui projek itu membantu golongan kurang berkemampuan, beliau berkata, ia mungkin memerlukan modifikasi dan penambahbaikan.

"Kita perlu lihat bahan makanan bagaimana yang hendak dibahagi kepada rakyat sama ada bentuk mentah atau sudah dimasak," katanya kepada Selangor Kini.

"THE CHARITY FRIDGE"

Objektif Program

Mengelakkan pembaziran
Menggalakkan bersedekah
Mengurangkan bebanan golongan susah

Syarat Pemberi

Makanan hendaklah halal
Makanan atau lauk yang dimasak hendaklah dalam keadaan baik
Makanan segar seperti ayam, ikan, daging, sotong, buah-buahan dan sayur-sayuran
DIGALAKKAN DIBUNGKUS dan DILABEL dengan rapi
Kadar maksima setiap bungkusan adalah 1 kg setiap pek

Syarat Penerima

Makanan **BUKAN UNTUK DIJUAL**
Pengambilan makanan haruslah mengikut kadar keperluan keluarga
Penganjur **TIDAK AKAN** bertanggungjawab sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku

Sebarang Pertanyaan, Sila hubungi :

013-7755662 (Faiz), 016-3576010 (Haslan)

atau 019-3855737 (Farah)



PELAWAAN MEMBERI MAKLUMAT (RFI)

RAKAN PEMBANGUNAN UNTUK PEMERBADANAN MENTERI BESAR SELANGOR

Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) telah ditubuhkan dibawah Enakmen Menteri Besar Selangor [Enakmen No: 3 1994] pada 21hb September 1994, untuk mentadbir harta dan aktiviti berunsur perniagaan yang diluar bidang kuasa pihak kerajaan negeri. Darul Ehsan Investment Group (DEIG) merupakan sebuah anak syarikat hakmilik penuh MBI, menjadi badan pelaburan strategik bagi Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurus, memperkembang dan memelihara aset Negeri Selangor.

MBI mempelawa pemohon yang berkeelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Memberi Maklumat (RFI) sebagai rakan pembangunan bersama-sama dengan DEIG dalam membangunkan beberapa bidang tanah dalam negeri Selangor.

- Proses RFI dibuka kepada pemohon-pemohon berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-
 - Pemohon-pemohon dengan modal saham berbayar berjumlah sekurang-kurangnya RM1 juta atau ke atas.
 - Mempunyai pengalaman pembangunan hartanah sebanyak 30 tahun (minima) secara kumulatif di kalangan lima (5) kakitangan pengurusan (maksima).
- MBI mempunyai hak untuk menerima atau menolak sebarang serahan atau membatalkan RFI pemohon di mana perlu, tanpa membayar balik sebarang perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh pemohon dalam proses RFI. Segala keputusan yang dibuat oleh MBI adalah muktamad.
- Pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan dan selanjutnya akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam proses Permintaan Cadangan (RFP).
- Segala pertanyaan tentang proses RFI di atas boleh diajukan kepada rfi_enquiries@mbiselangor.com bermula 27 Jun 2015 sehingga 9 Julai 2015. Sebarang kaedah pertanyaan lain tidak akan dilayan.
- Syarat umum dan dokumen yang berkaitan RFI boleh dimuat turun daripada laman web www.mbiselangor.com dan www.deig.com.my bermula 8.30 pagi 27 Jun 2015 sehingga 7.30 petang 9 Julai 2015.
- Set dokumen RFI yang lengkap dan ditandatangani oleh pemohon hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeteraikan dan didepositkan ke dalam Kotak Tender disediakan sebelum 12 tengah hari Jumaat, 10 Julai 2015 di:

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

600 peniaga di Festira'15



OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Peluang menikmati suasana membeli-belah ala Jalan Tuanku Abdul Rahman kini boleh dirasai di Festival Ramadan Selangor 2015 (Festira'15) bermula 5 Jun hingga 17 Julai ini

Pengurus Perhubungan Awam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Ishak Hashim, berkata sebanyak 600 ruang niaga disediakan untuk

pilihan pengunjung.

"Orang ramai boleh berkunjung ke destinasi berdasarkan konsep beli-belah riadah dan ibadah selain berbuka puasa, berhibur, beramal dan bersantai," katanya pada kenyataan media.

Katanya, pengunjung juga bakal dihidangkan persembahan artis tempatan, selain program keagamaan dan kebudayaan pada hujung minggu.

"Antaranya Heliza Helmi,

Nowseeheart, Muhibbain, Jay Jay dan Najwa Latif, selain permainan rakyat dan kuiz uji minda yang menyediakan hadiah menarik," katanya.

Festira'15 adalah anjuran PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC), anak syarikat milik penuh PKNS dengan kerjasama beberapa pihak lain.

Ia membabitkan empat lokasi seperti SACC Mall, Kompleks PKNS Shah Alam, Kompleks PKNS Bangi dan Wisma Yakin.

Bazar Ramadan PKNS meriah

SHAH ALAM - Setiap tahun, Bazar Ramadan Kompleks PKNS di sini, antara tumpuan ramai dan kemeriahannya terus kekal berikutan lebih 140 lot niaga di situ.

Peniaga, Syed Azwar Syed Karim, 38, berkata keuntungan jualan makanan berbaloi walau-

pun sewa tapak meningkat tahun ini.

Lapan tahun berniaga char kuey teow, beliau berkata lokasi bazar yang strategik menarik ramai pengunjung membeli juadah berbuka puasa.

"Ramai pengunjung dari SACC



Mall untuk membeli-belah, singgah ke gerai untuk beli makanan berbuka puasa. Kalau hujung minggu, angkanya dua kali ganda lebih ramai," katanya.

Fantimelia Adlis, 40, yang berniaga air soya sejak hampir 18 tahun tetap setia membuka gerainya pada Ramadan kali ini.

"Saya tidak membuka gerai di bazar lain kerana cukup hanya di sini untuk menarik pelanggan," katanya.

Bagi peniaga air dan kuih-muih, Mustafa Mohamed, 52, berkata Kompleks PKNS dekat di hati masyarakat terutama pada Ramadan dan Syawal.

"Saya buat perbandingan di tempat lain. Ternyata ia tidak boleh ditandingi dari sudut kemeriahan pengunjung. Itu sebabnya saya kekal berniaga di tempat ini," katanya.

Khusrin jawab Charles Santiago

SHAH ALAM - Tiada peraturan kod etika pemakaian di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kata Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohammed Khusrin Munawi.

"Kita tiada kod etika pemakaian di SUK. Tidak ada," katanya ringkas kepada media di Istana Kayangan, hari ini.

Beliau membuat penjelasan itu berikutan dakwaan dua wartawan diarah memakai kain sarung kerana berpakaian singkat.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago menerusi Facebook mempersoal tindakan pegawai kesela-



Mohammed Khusrin

matan SUK yang mengarahkan mereka mengenakan kain sarung.

Express Lane memudahkan pengunjung SUK

SHAH ALAM - Bagi memudahkan rakyat berurusan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, lebih 30 tempat letak kenderaan 'Express Lane' disediakan.

Kemudahan itu dibuka di zon D iaitu di pintu pos yang pertama dengan meletakkan kenderaan kurang dua jam.

Ia bertujuan mengelakkan kesesakan dan kekurangan kemudahan tempat letak kenderaan di bangunan itu.

Express Lane yang dibuka jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang itu memudahkan orang ramai ke bangunan itu ekoran jarak lebih dekat.

Lantikan baharu PAS Selangor

SHAH ALAM - Exco Selangor, Datuk Dr Yunus Hairi dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya PAS Negeri bagi sesi 2015/2017, kata Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Samad

Katanya, Dr Yunus menggantikan Adun Sabak, Sallehen Mukhyi yang menggalas tugas memenangi kembali lima kerusi DUN milik PAS yang tewas pada pilihan raya umum lalu

Kepada Selangorkini, Iskandar berkata, Shafei Ngah yang juga Timbalan Speaker Selangor kekal sebagai Timbalan Pesuruhjaya 2 negeri.

Dasuki Abdul Rani, anak saudara bekas Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat pula dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya 3.

Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman kekal sebagai Setiausaha.

Bendahari disandang Exco Selangor, Zaidy Talib manaka-



Dr Yunus

la Adun Tanjung Sepat, Haslin Hassan sebagai Pengarah Pilihan raya PAS negeri.

Turut dilantik, Setiausaha PAS Klang, Mohamad Prasad Hanif sebagai Ketua Penerangan.

"Pelantikan itu diumumkan pada mesyuarat perhubungan negeri di Shah Alam, semalam," katanya.

Mangsa banjir terharu terima Rumah Darul Ehsan

'Kami kenang sampai bila-bila'

OLEH NAEEM RAFFI

Air matanya berlinangan, teringat teratak separa batu - kayu yang hampir 25 tahun menjadi tempat berteduh, ghaib seusai bah melanda.

Kejadian tanggal 23 Disember itu sukar dilenyapkan dari fikirannya. Air naik pantas lagi deras. Tiada harta benda yang mampu diselamatkan.

Kecuali anak kecil berusia kurang dua tahun ditempatkan di atas siling rumah setelah tidak terdaya melawan arus mengganas.

Wan Rusnaini Wan Mamat, 44, ibu kepada lima anak dari Pekan Lama Manek Urai, Kuala Krai, Kelantan terus termangu-mangu memikirkan nasib keluarganya sebelum mampu bersuara.

"Bila banjir surut, kami dibenarkan pulang. Alangkah terkejutnya apabila melihat rumah hanya tinggal tapak dan beberapa batu pelapik tiang.

"Sebulan lebih kami menghuni khemah sebelum menyewa rumah kedai tinggal yang bocor disana sini.

"Biarpun usang, cukuplah untuk berteduh, membesarkan anak dan menjaga suami yang baru sahaja pulih daripada kanser usus," katanya yang mesra dengan panggilan Kak Ani.

Walaupun bah berlalu, kesengsaraan kesan bencana itu seakan-akan kekal ber-samanya. Bahkan, setiap mangsa

“

Rezeki tuhan itu luas. Bagaimana negeri kaya dan pemurah tergerak membantu rakyat negeri lain. Semua itu bermula dengan hati pemimpin dan pentadbiran yang ikhlas dan amanah

WAN RUSNAINI
Penerima

banjir terpaksa meneruskan kehidupan dengan tangan kosong.

Bagaimanapun, kisah duka itu beralih gembira apabila Kerajaan Selangor tampil menghulurkan bantuan dengan membangunkan perkampungan baharu.

Sekali lagi, Kak Ani menitikkan air matanya apabila mengetahui dirinya antara mangsa banjir terpilih untuk menerima rumah itu.

"Inilah rezeki Ramadan," katanya sebagai antara 60 penerima yang b a k a l



menikmati kehidupan baharu dalam perkampungan Rumah Darul Ehsan yang dijangka siap sepenuhnya Ogos depan.

Rumah Darul Ehsan

'Rumah Darul Ehsan' diberi nama sebagai menghargai sumbangan Kerajaan Selangor yang berbelanja hampir RM6 juta bagi menyiapkan projek perkampungan baharu di tanah seluas 6.99 ekar di daerah Olak Jeram itu.

Keputusan pelaksanaan projek itu diambil bagi membantu meringankan keterbatasan Kerajaan Kelantan



membangunkan semula prasarana dan perumahan rakyat yang musnah akibat banjir.

Kediaman dengan keluasan 850 kaki persegi itu merangkumi tiga bilik dan dua bilik air dibina khusus bagi membantu 60 keluarga yang terjejas akibat banjir.

Dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), rumah setingkat bernilai RM62,000 seunit dibina sepenuhnya menerusi teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS).

Teknologi menggunakan komponen pra-fabrikasi dalam pembuatannya, IBS mampu menghasilkan kepingan dinding dari kilang sebelum dihantar terus ke tapak bina un-

tuk pemasangan.

Kaedah itu memberi kesan positif dari aspek kualiti, keberkesanan kos, keselamatan dan kesihatan, pengurangan sisa, kecekapan dan produktiviti.

Perkampungan itu turut dilengkapi prasarana jalan raya, lampu jalan dan kolam takungan banjir.

Ia kian menjadi kenyataan berikutan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Darul Ehsan sudah disempurnakan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, 17 Jun lalu.

"Selangor mencatat pertumbuhan ekonomi baik, tetapi ia tidak membawa sebarang makna jika kekayaan itu gagal diagih secara adil.

"Manfaat ini, bukan sahaja kepada rakyat Selangor, bahkan mereka yang memerlukan bantuan dan pembelaan," kata Mohamed Azmin.

Semangat perpaduan dan kebersamaan tiada batas yang dizahirkan Selangor sejajar dasar Peduli Rakyat yang menjadi teras pentadbirannya.

Berdiri menghadap kerangka rumah separuh siap, Wan Rusnaini mengukir senyuman, ada sebesar-besar harapan terkesan di wajahnya.

"Rezeki tuhan itu luas. Bagaimana negeri kaya dan pemurah tergerak membantu rakyat negeri lain. Semua itu bermula dengan hati pemimpin dan pentadbiran yang ikhlas dan amanah.

"Terima kasih Selangor, jasa baik kepada kami rakyat Kelantan akan terus dikenang sampai bila-bila," kata Wan Rusnaini.



Mangsa banjir Kelantan bakal mendiami rumah baharu yang disumbangkan Kerajaan Selangor dijangka siap Ogos



▲ Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman bersama Ahli Majlis MPK, Alan Tan Heng Kim mengagihkan bubur lambuk dan akhbar Selangor Kini kepada masyarakat di Bazar Ramadan Pekan Meru



▲ Adun Sungai Pinang, Datuk Teng Chang Khim menyampaikan sumbangan sempena Ramadan kepada golongan kurang berkemampuan di Dewan Orang Ramai Jalan Palembang, Klang



▲ Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak menyampaikan hadiah semasa Program Membara Semarak Kejiranan dan Sukaneka Rakyat DUN Permatang



▲ Adun Hulu Klang, Saari Sungib berbuka puasa bersama Bad Latif dan keluarga yang baru bebas dari Penjara Tapah selepas mendapat Pengampunan Diraja Sultan Perak



▲ Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafiei bersama masyarakat dalam program Jom Shopping sempena Hari Raya Aidilfitri di Giant Kota Kemuning yang disertai 300 penerima



▲ Adun Morib, Hasnul Baharuddin menyampaikan bahan kempen kesedaran penja-gaan kebersihan di Bazar Ramadan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)



▲ Ahli Parlimen Selangor, William Leong memberi sumbangan kepada mangsa bencana angin kuat yang merosakkan bumbung rumah



▲ Adun Tanjong Sepat, Ir Mohd Haslin Hassan menyampaikan sumbangan DUN itu kepada golongan miskin, More Masjid dan Surau di Masjid Al Rohmaniah, Kampung Sungai Lang Baru



▲ Adun Batu Caves, Amirudin Shari bersama pimpinan setempat dan sukarelawan DUN Batu Caves mengedarkan buah kurma dan bubur lambuk di Pasar Juadah Taman Batu Caves



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha bersama Pejabat DUN Taman Medan menziarahi salah sebuah daripada 116 keluarga yang dikenalpasti memerlukan bantuan

Antara & kasta pemahaman & penghakiman buku

OLEH MUHAMMAD ARIF BAZLI

Saban bulan, pelbagai genre buku banyak dilancarkan oleh rumah penerbitan yang berselerakan seluruh negara.

Sebahagian buku yang diterbit sudahpun diulas peminat buku dan menjadi viral. Mereka terdiri daripada kawan-kawan penulis mahupun komuniti buku yang tumbuh mekar meramahi dunia buku.

Mengikut Pandangan Virginia Woolf, kebanjiran buku yang melanda dunia adalah citrawarna yang digubah bagi memeriahkan dunia pembacaan kotemporari.

Persoalan terbesar, adakah kita memiliki kepakaran yang cukup dalam menilai kualiti setiap buku untuk memenuhi karenah dan permintaan majoriti pembaca?

Seringkali peminat buku merungut terutama pembaca metropolitan, menghadapi masalah kekangan masa atas kesibukan seharian yang berganda.

Justeru, mereka terpaksa menggunakan pilihan terakhir dengan membaca beberapa buku yang menjadi buah mulut para bibliholisme sahaja.



Kebun Maknawi

Ombak di jiwa tiada
henti memukul pesisir batin
hingga jiwa merintih memujuk
kudus merenjut akar dosa
nyaring jerit hati
merenyuk lembaran tenang

Duka menarik nafas berdarah
kudus meleraikan ikatan
terakhir di sanubari
Kini jasad kontang Nur
Kini kolam nurani
Dahaga setitis berkat

Ampuni hamba Ya Rabb
saban waktu menadah hujan
baja kasih-Mu
suburkan kebun makna
hidupku

**Ku Aminah Ku Mat
Tanah Merah, Kelantan**

**Kualiti sesebuah
buku adalah
keselesaan
seorang pembaca
apabila membuka
pintu rumah
seorang penulis
yang berceloteh
tentang keindahan
dunianya**

Sudah pasti pemilihan buku itu berdasarkan ulasan pembaca terdahulu. Jarang sekali kita membaca sinopsis di kulit buku tanpa membaca ulasan terlebih dulu.

Kebiasaannya, kita akan segera ke kedai buku untuk membaca sinopsis di kulit buku apabila segala fikiran kita jelas dan tertarik dengan sesebuah buku itu.

Isu kemuncak dari birokrasi dunia pembacaan buku. Adakah pembaca dapat menghabiskan sesebuah buku berkualiti berdasarkan cadangan kebanyakan pembaca?

Adakah kita membaca buku berkualiti kerana ingin bersaing tingkat intelek setiap manusia? Sedangkan kita telah meniadakan kemahuan pembacaan yang sebenar-benarnya.

Pengalaman seorang pembaca penting untuk menentukan tahap keseronokan sesebuah buku yang ditelaah berminggu-minggu.

Keseronokannya tidak akan dicapai berdasarkan pengaruh luar melainkan sekadar mengumpulkan senarai daftar tahunan untuk diperhebah kepada peminat buku lain.

Buku yang terbaik adalah buku yang dapat dihabiskan oleh seseorang pembaca dengan membaca secara teliti perkataan demi perkataan dengan cermat - kadangkala terlalu risau jika buku itu sudah dihabisi pembacaan dalam masa singkat.

Kualiti sesebuah buku adalah keselesaan seorang pembaca apabila membuka pintu rumah seorang penulis yang berceloteh tentang keindahan dunianya.

Tragedi sebuah penceritaan penulis apabila seseorang pembaca gagal menghabiskan pembacaan buku dan kegagalan seorang penulis menyampaikan seni penceritaan terhadap pembaca.

Santunilah penulis, melompat baris

demi baris sehingga bertemu noktah yang terakhir dengan mengagumi pembentukan cerita mereka. Jika terbukti kita seorang pembaca sejati.

Mengolah minda dari sesebuah pembacaan meletakkan buku sebagai alat teka-teki yang menyelongkar segala keabsurdan dunia mereka dan diterjemah dalam pemahaman seseorang pembaca yang secara realiti berbeza kasta pemahaman.

Peranan pembaca ialah mengulas buku supaya sekurang-kurangnya kita mengambil berat terhadap buku dan bakal memberi semangat berterusan terhadap penulis muda.

Jika terpaksa membuat keputusan sama ada sesebuah buku itu dianggap baik, adakah ia bermakna kita tidak tahu untuk menikmatinya.

Dan lebih aneh, kita tidak tahu sama ada keseronokan itu akan mendapat sambutan sesuai dalam realiti pembacaan.

Suka atau tidak suka terhadap buku seseorang penulis sama ada kawan atau orang asing bukan isu yang perlu diperhalusi.

Setiap buku mewakili setiap sudut kemanusiaan yang belum habis diteroka oleh setiap pembaca yang bergelut menghakimi sesebuah buku.

YANG KANAN YANG KIRI

OLEH FARATIRA AIMIZA

SUASANA cukup hanyat, cukup menyengat dan cukup sensasi walaupun perbincangan belum bermula. Pendingin hawa langsung tidak membantu. Muka Yang Kanan merah menyala ibarat udang yang baru lepas dipanggang. Wajah Yang Kiri kelihatan sedikit tenang walaupun pertemuan ini mengganggu jadual harian mereka.

Kelihatan lambakan makalah dan buku di tengah, di antara Yang Kanan dan Yang Kiri, mengunung sehingga hampir tidak kelihatan wajah Yang Kanan dari mata Yang Kiri dan sebaliknya. Tiba-tiba Yang Kanan bangun. Mukanya bengis, dadanya sedikit ke atas saat berjalan ke tengah. Puncak tertinggi lambakan makalah dan buku yang mengunung itu separas dadanya. Yang Kanan capai sebuah dengan mudah. Yang Kiri cuma jadi pemerhati.

Dibelek-beleknya muka hadapan, lalu diterbalikkan ke belakang seketika. Yang Kanan buka halaman demi halaman dengan rakus. Yang Kanan berhenti pada satu halaman. Dibukanya luas-luas dan diletakkan di hadapan Yang Kiri.

Yang Kiri pandang halaman itu dengan wajah yang masih tenang, malah Yang Kiri sempat memberi senyum kepada Yang Kanan. Kalaupun Yang Kanan tidak tunjukkan, Yang Kiri tahu apa yang tercatat pada halaman itu. Itu kan buku Yang Kiri!

"Naskhah seperti ini yang dihidangkan kepada anak bangsa? Sudahlah sifar nilai, sifar juga etikanya. Didikan apa yang nak disampaikan?" Yang Kanan menjerkah. Yang Kiri kira, sang marah sudah menguasai Yang Kanan.

"Ini perjuangan kami," balas Yang Kiri dengan nada tenang.

"Perjuangan apa? Naskhah ini dibaca oleh remaja dan belia pemangkin negara. Mereka adalah orang yang bakal meneraju tampuk kepimpinan, ketika kita di hujung usia. Kalau beginilah perjuangannya..." Yang Kanan tergeleng-geleng.

"Perjuangan masing-masing tak sama," jawab Yang Kiri pendek.

"Perjuangan konon! Perjuangan nak dapatkan keuntungan berlipat kali ganda?" bentak Yang Kanan.

"Perjuangan apa? Naskhah ini dibaca oleh remaja dan belia pemangkin negara. Mereka adalah orang yang bakal meneraju tampuk kepimpinan, ketika kita di hujung usia. Kalau beginilah perjuangannya..."
Yang Kanan tergeleng-geleng

Yang Kiri tergeleng-geleng. Siapa yang mahu menjalankan perniagaan untuk rugi? Berminggu-minggu Yang Kiri pening kepala. Apakah wajar dia menubuhkan syarikat penerbitan buku semata-mata untuk menerbitkan buku sendiri dan beberapa buah buku rakan-rakannya? Apakah ada orang yang mahu membeli dan membacanya?

Kalau pembaca novel-novel cinta yang menghayalkan itu memang ramai. Tapi Yang Kiri bukan menulis kisah cinta, Yang Kiri menulis cereka yang realiti, seperti Yang Kanan. Industri pembukuan sudah terlalu lama sepi. Wajarkah Yang Kiri menceburkan diri dalam industri penerbitan? Soalan itu berulang-ulang dalam fikiran Yang Kiri. Tapi Yang Kiri terus juga.

"Itu ke perjuangannya?"

Yang Kiri tersentak apabila Yang Kanan menyergah. "Perluakah kami umumkan apa yang kami perjuangkan? Kalian peduli ke dengan perjuangan kami?"

Yang Kanan terkedu seketika. Perlahan-lahan kaki Yang Kanan menapak ke mejanya, dan kembali duduk di atas bangku. Bilik empat segi itu terus sunyi tanpa sebarang perdebatan.

"Persetankan dengan perjuangan! Memang tak ada siapa yang pedulikan perjuangan. Aku menulis untuk memandaikan bangsa aku, tapi bangsa aku tak pernah peduli." Yang Kanan tiba-tiba beremosi ketika Yang Kiri



"Baca pun tak, pandai-pandai saja menjatuhkan hukum! Sekurang-kurangnya kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas buku kami. Kami tukang tulis, kami tukang terbit dan kami tukang jual. Barulah susut jumlah buku dalam stor!" Yang Kiri terus bangun

berura-ura untuk meninggalkan bilik itu.

"Jadi, buat apa memperjuangkan sesuatu yang tak membuahkan hasil? Bukan ke itu kerja yang sia-sia?"

Semua orang tahu perjuangan Yang Kanan itu tidak membuahkan hasil. Kalau ada pun, mungkin zaman negara baru mencapai kemerdekaan. Semakin lama, statistik rakyat yang membaca semakin berkurang sehingga ke tahap yang membimbangkan.

Yang Kanan buat apa? Pernahkah mereka mempromosikan buku mereka? Pernahkah mer-

eka menjual buku sendiri? Mahu bising tentang perjuangan yang tidak diambil peduli konon! Kalau tiada kerajaan yang sesekali melancarkan kempen membaca, entah ada atau tidak rakyat yang ambil peduli tentang buku.

"Belakang parang, kalau dia sah akan tajam. Begitulah juga dengan perjuangan."

Yang Kiri ketawa geli hati sehingga membuatkan Yang Kanan kembali berang.

"Kau anak muda yang tak tahu pun erti perjuangan. Berjuang apa dengan buku-buku berunsurkan lucah dan bebas ni? Nak melahirkan masyarakat yang begitukah?"

"Itu berbalik kepada pembaca. Mereka ada akal. Mereka tahu mana yang baik dan mana yang buruk. Kalaupun buruk yang kami sajikan, di akhirnya ada pengajaran. Kami cuma membantu kerajaan menggalakkan remaja kita membaca. Walaupun kami tak tahu statistik pembaca terkini, tapi kami tahu jumlahnya semakin membesar, lebih-lebih lagi pembaca lelaki. Sekarang ni, kalau naik kenderaan awam, kami nampak ada orang pegang

buku. Bukankah itu satu perkembangan positif?"

"Ah, sebelum ni pun ada!"

"Tapi jumlahnya tidak sebanyak sekarang," pantas Yang Kiri membantah.

"Apa bezanya dengan jumlah yang kononnya semakin meningkat tu kalau bahan bacaannya tak berkualiti? Bukannya dapat membangunkan jiwa pun, apatah lagi memperkasakan bahasa!" Tempelak Yang Kanan seraya menepuk tangannya ke meja.

Yang Kiri tersenyum sinis. "Maksudnya, kalian pernah baca buku-buku yang kami tulis dan terbitkan?"

"Buat apa aku baca buku yang aku tahu tak ada nilai tu?" Kasar Yang Kanan membalas pertanyaan Yang Kiri.

"Baca pun tak, pandai-pandai saja menjatuhkan hukum! Sekurang-kurangnya kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas buku kami. Kami tukang tulis, kami tukang terbit dan kami tukang jual. Barulah susut jumlah buku dalam stor!" Yang Kiri terus bangun, meninggalkan Yang Kanan terkebil-kebil sendiri.

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

OLEH DR MOHAMMAD ALINOR
ABDUL KADIR

Perpaduan Nasional: Mitos atau Realiti

APABILA Malaya dibentuk pada 1957, isu perpaduan menjadi agenda besar negara ketika itu. Pada kala itu, bangsa yang dituntut bersatu-padu untuk membangunkan Malaya hanya Melayu, Cina dan India.

Bangsa lain, Asli, Sikh, Arab, India Muslim, Cina Muslim, Baba-Nyonya dan Serani tidak dibenarkan.

Ini kerana sejak Semenanjung Tanah Melayu dijajah Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Inggeris semula, mereka membawa masuk banyak penghijrah untuk mengisi kekosongan pekerjaan yang dikatakan orang Melayu tidak mampu melakukannya - melombong bijih timah, menoreh getah dan berniaga.

Entah siapa membuat keputusan itu, tiada siapa tahu. Melayu telah lama tahu melombong berbagai-bagai galian dan tidaklah susah untuk belajar menoreh getah.

Melayu terkenal sebagai peniaga dan pedagang terbaik. Jika tidak, Melaka takkan digelar Venice Timur. Penghijrah India dibawa sebagai penoreh getah di ladang yang diusahakan Inggeris.

Penghijrah China dibawa sebagai pelombong bijih timah di lombong yang dikembang penggalannya oleh Inggeris. Juga sebagai peniaga di bandar besar.

Melayu dikekalkan sebagai petani di kampung. Kesannya, bandar seperti Kuala Lumpur, Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, berkembang sebagai pusat ekonomi Semenanjung Tanah Melayu.

Namun, keterlibatan Melayu dan India minimum. Hanya Cina dan Inggeris yang menikmati kenaikan ekonomi tinggi kerana mereka mengusahakan komoditi

yang tinggi harganya.

Melayu dibiarkan melaksanakan kerja harian sebagai petani, penternak, nelayan dan peniaga kecil-kecilan di pasar minggu. Penjajah Inggeris berasa ia keadaan stabil untuk terus memerintah tanpa gangguan. Sekaligus mencapai matlamat penjajahan iaitu menyedut sumber asas ekonomi.

Perlu difahami, tanah jajahan bukan tempat berfungsinya Revolusi Industri Eropah tetapi sebagai penyediaan sumber mentah untuk menjajaknya.

Apabila Semenanjung Tanah Melayu (Malaya) merdeka, tugas paling kritikal pemerintah ialah mengusahakan perpaduan antara tiga kaum - yang sebelumnya dipisah dan jarang berse-

muka. Budaya, agama, adat resam, bahasa, sejarah dan segala hal antara mereka saling berbeza. Ini tugas getir. Kajian perlu untuk menjengah apakah program perpaduan yang diusahakan Jabatan Perpaduan Malaya sejak 1957-1963?

Sewaktu Malaysia dibentuk pada 1963, isu perpaduan yang belum selesai menjadi makin rumit apabila lebih banyak rumpun Melayu Sarawak dan Sabah - kemudian dipanggil Bumiputera - diterima sebagai rakyat.

Keluarnya Singapura dari Malaya tidak memudahkan penyelesaian isu perpaduan. Dan, engganannya Brunei menyertai Malaysia bukan disebabkan isu perpaduan.

Perbincangan tidak memper-



mastautin dan kelas penduduk yang bukan rakyat Malaysia.

Persoalan paling pokok ialah bagaimanakah menganalisis apakah Malaya/Malaysia memiliki teras untuk membentuk perpaduan?

Kita bergantung kepada fakta sejarah rumpun Melayu yang secara linguistik dikelas sebagai Austronesia dan hubungan dalam-an antara suku yang membentuk rumpun itu.

Kemudian, hubungan luaran suku rumpun Melayu dengan bangsa lainnya, sekitarnya atau yang jauh/penjajahnya, seperti China, India, Viet, Jepun, Inggeris dan Perancis.

Fakta digali secara umum daripada teks bertulis seperti batu bersurat (prasasti) dan manuskrip Melayu (palawa dan jawi) berusia

sekitar 200-1800M, manuskrip China 300-800M, manuskrip Arab-Parsi-Turki 600-1500M, prasasti dan manuskrip India 400-1200M dan manuskrip Eropah 1300-1900M.

Apakah fakta yang mahu dibincang? Tentunya fakta yang mampu menjelaskan maksud perpaduan dalam Rumpun Bangsa Melayu dan perpaduan luar Rumpun Bangsa Melayu.

Perpaduan Dalaman bermaksud perpaduan yang dibangunkan antara suku-suku yang membentuk rumpun Melayu seperti antara Aceh-Minangkabau, Jawa-Riau, Campa-Bugis, Sulu-Patani, Kadazan-Iban.

Perpaduan Luaran merujuk kepada perpaduan yang dibangunkan antara suku-suku rumpun Melayu dengan bangsa lain seperti Campa-Viet, Taiwan-Cina, Kyushu-Jepun, Patani-Thai, Madagaskar-Afrika, Minangkabau-Belanda, Jawa-Belanda, Magindanao-Sepanyol, Melayu-Cina, Melayu-India.

Malaya/Malaysia memerlukan kedua-dua bentuk perpaduan dalam program melibatkan rakyat, bukan dilaksanakan tanpa strategi tertentu.

Bagaimanakah untuk mengetahui perpaduan dicapai?

Ini susah. Sebab faktor emba-

wa kepada perpaduan banyak, Umpamanya ikatan darah raja/sultan/ pemerintah, kerjasama ekonomi, kerjasama pertahanan, perkongsian wilayah dan ufti, kesamaan agama, kesamaan baha-

sa, kesamaan budaya, kesamaan sejarah, pendidikan dan pelan-

cungan. Ini terlalu rencam untuk ditunjukkan bagaimanakah perpaduan beroperasi.

Contoh, bagaimanakah Kerajaan Jawa Lama boleh bekerjasama dengan Kerajaan Sriwijaya dalam menepis serangan Mongol? Yang dicerita sebagai strategi memasang jamung di sepanjang pantai untuk menunjukkan banyaknya tentera Jawa.

Contoh lain, bagaimanakah Kerajaan Melaka boleh bekerjasama dengan 80 pedagang/ kerajaan dunia yang berdagang di Melaka?

Apakah Melaka memiliki 80 balai tetamu, 80 penterjemah, sistem pertukaran 80 mata wang?

Inilah kerencaman tadi. Namun, beberapa hal tertentu mesti diusahakan walaupun sukar.

Contohnya beberapa bentuk perpaduan/ kerjasama luaran antara Melayu, Cina dan India. Apakah faktor yang membuatkan pedagang Cina dan India boleh bekerjasama dengan pedagang rumpun Melayu?

Perpaduan dan Peperangan

Mengelakkan kerencaman itu, kita melihat sebaliknya iaitu apakah petandanya apabila perpaduan tidak dicapai?

Kalau berlaku peperangan atau rusuhan antara A dan B, maka





tiada perpaduan antara A dan B, contohnya Peperangan Campa-Viet 900M-1862M, Serangan Raja Cola ke Palembang pada kurun ke-0-11M, Peperangan Melaka-Portugis 1511, Peperangan Paderi Ulama-Adat Minangkabau awal kurun ke-19M, Peperangan Minangkabau-Belanda 1830-an, Rusuhan Kaum Melayu-Cina 1969, Penerobosan Tentera Sulu Terhadap Sabah 2014.

Sebenarnya semua peristiwa peperangan itu patut menjadi kajian kepada penyelidik tamadun Melayu tetapi hingga kini mereka segan melakukannya.

Namun, perbincangan mengenai terlalu banyak dan memakan masa penyelidikan yang panjang.

Jika dikaji beberapa sahaja daripada peristiwa peperangan, pasti timbul bahawa perpaduan belum tentu dicapai walaupun dalam kalangan manusia sesuku. Contohnya, Peperangan Golongan Ulama dengan Golongan Adat Minangkabau pada kurun ke-18M.

Juga perpaduan sukar dicapai antara dua suku walaupun serumpun, seumpama Peperangan Jawa-Melayu (merujuk Kerajaan Melayu Palembang) pada kurun ke-7M.

Sememangnya perpaduan sukar dicapai antara dua bangsa berlainan. Contohnya, Peperangan Seribu Tahun Campa-Viet. Walaupun maklumat itu menafikan perpaduan tetapi kajian terhadap peperangan berkenaan boleh merungkai maklumat yang menunjukkan mengapakah peperangan itu berlaku?

Kenapakah perpaduan/perdamaian antara suku atau dua suku/bangsa yang sebelumnya wujud tidak boleh dikekal? Berlebih-lebihlah kepentingan kajiannya jika bangsa yang terlibat berperang adalah Melayu, Cina dan India.

Contohnya, kisah Raja Chola menyerang Kerajaan Melayu

Palembang (dalam Silalatus Salatin), kependudukan bangsa Cina di Tanah Melayu Taiwan dan sebagainya.

Model perpaduan politik Majapahit

Sebenarnya, jika diteliti dengan jitu maklumat yang terpahat pada batu bersurat di alam Melayu, jelasterdapat bagaimanakah perpaduan beberapa Rumpun Bangsa Melayu sewaktu Kerajaan Funan, Kerajaan Sriwijaya dan lain-lain.

Namun, tiada masa menyemakannya. Ini yang diberikan iaitu model perpaduan Majapahit seperti yang dilapor Prapanca, cendekiawan Buddha yang bertugas di Majapahit. Beliau menulis Nagarakrtagama pada 1365M dan menyenaraikan sejumlah 103 Kerajaan Rumpun Bangsa Melayu yang bernaung di bawah Kerajaan Majapahit.

Antaranya, Pulau Sumatera: Malayu, Jambi, Palembang, Karintang, Teba, Dharmasraya, Kandis, Kahwas, Manangkabwa, Siyak, Rekan, Kampar, Pane, Kampe, Haru, Mandahiling, Tumohang, Parlak, Barat, Lwas, Samudra, Lamuri, Batan, Lampung & Barus.

Pulau Borneo: Tanjung Nagara/ Tanjung Puri, Kapuhas, Katingan, Sampit, Kuta Lingga, Kuta Wa-

ringin, Sambas, Lawai, Kadangdangan, Landa, Samedang, Tirem, Sedu, Buruneng, Kalka, Saludung, Solot, Pasir, Baritu, Sawaku, Tabalung, Tanjung Kute, Malano & Tanjung Pura.

Semenanjung Tanah Melayu: Pahang, Hujung Medini, Lengkasuka, Saimwang, Kalantan, Tringgano, Nashor, Pakamuwar, Dungun, Tumasik, Sanghyang Hujung, Kelang, Keda, Jere, Kanjap & Niran.

Pulau Jawa (Timur): Bali, Badahulu, Lwa-Gajah, Gurun, Sukun, Taliwang, Dampo, Sapi, Sanghyang Api, Bhima, Sheran, Hutan Kedali, Gurun, Lombok Mirah, Saksak, Bantayan, Luwuk, Uda, Makasar, Butun, Banggawi, Kunir, Galiyao, Salaya, Sumba, Solot, Mukar, Wandan, Ambwan, Maloko, Wwanin, Seran & Timur.

Indo-Cina: Dharmanagari, Rajapura & Campa.

Model perpaduan politik Melaka

Model seterusnya ialah perpaduan dalaman Melaka seperti yang dinyatakan Tom Pires yang menulis pada 1512-1515M bertajuk Suma Oriental untuk Kerajaan Portugis di Melaka.

Mengikuti pengiraan, Tom Pires menyenaraikan 76 Kerajaan Rumpun Bangsa Melayu yang berdagang dengan Melaka iaitu:

i) Pulau Sumatera: Lambrij, Achem, Biar, Pedir, Lide, Pirada, Pacem, Bara, Daru, Arcat, Ircan, Rupert, Purij, Ciaca, Campar, Capocam, Andraguerij, Jambij, Palimbam, Tana Malayo, Sacampam, Tulumbauam, Andaloz, Piriaman, Tico, Barros, Quinchel, Mancopa, Menancabo,

ii) Borneo

iii) Malaka

iv) Pulau Jawa: Cumda, Cherimon, Japura, Losari, Tegal, Samarang, Demak, Tidunan, Japara, Rembang, Tuban, Sidayu, Grisee, Surabaya, Gamda, Blambangan, Pajarakan, Camta, Panarukan, Chamdy & Madura.

Peulau Tenggara: Bali, Lom-

bok, Sumbawa, Byma, Sangeang, Solor, Alor, Kambing, Citor, Batojmbey, Banda, Ceram & Amboina

Pulau Maluku: Ternate, Tidore, Motir, Makyang, Bachian & Gillolo.

Pulau Tengah: Tanjompura, Laue, Quedondoam, Samper, Biliton, Cate, Pamuca, Adema, Macassar, & Madura,

v) Campa & Filipina

Model perpaduan rumpun bahasa Melayu

Jika kita tidak menyekat geografi Rumpun Bangsa Melayu hanya kepada Malaya/Malaysia, maka geografi sebenarnya memenuhi satu perlima keluasan dunia. Seutaranya Pulau Kyushu, seselatangannya New Zealand, sebaratnya Madagaskar dan setimurnya Pulau Hawaii.

Keluasan itu memuatkan sejumlah 1200 rumpun Melayu yang bertutur sejumlah 1,200 dialek bahasa Melayu-Polinesia atau linguistiknya, Austronesia. Mungkin sekitar 13-15 dialek ada di Semenanjung Tanah Melayu dan sekitar 20 dialek di Sarawak, Sabah dan Labuan.

Dialek itu sebenarnya tidak pernah menjadi mata pelajaran di sekolah dan universiti, kecuali mungkin tatkala kursus khas memperkenalkan suku kaum dan dialeknya beberapa kali.

Sepatutnya, semua dialek berkenaan mesti menjadi kursus bahasa atau dialek pilihan untuk dipelajari mahasiswa sekurang-kurangnya, kalau belum mahu membuat rombakan pelajaran bahasa Melayu di sekolah.

Hal ini akan menyuburkan perpaduan dalaman kalangan rumpun Melayu.

Model perpaduan pendidikan

Agak lama mengkaji perhubungan keilmuan antara Tamadun Rumpun Melayu dengan Tamadun India dan Tamadun Cina menerusi penyelongkaran teks kuno.

Kajian menunjukkan ada perhubungan keilmuan dan pendidikan antara tiga tamadun besar itu. Sehingga kini, buktinya masih ada di Tibet, Cina dan Jepun.

Teks itu berbentuk buku keilmuan Hindu-Buddha yang dipelajari sarjana India, Melayu dan Cina. Buku itu boleh didapati dalam bentuk terjemahan di Tibet, Jepun dan China.

Ini menunjukkan ketiga-tiga bangsa itu pernah bersatu padu menerusi keilmuan dan pendidikan sekitar 400-1200M. Malah, bukti menunjukkan ketiga-tiga bangsa itu pernah menuntut di Universiti Nalanda, India, sekitar

kurun ke-8M.

Tatkala itu, ribuan pelajar Melayu Sriwijaya/ Suvarnabhumi menuntut di Nalanda hinggakan pihak pengurusan membina asrama Suvarnabhumi. I-Tsing juga menuntut di sini pada awal kurun ke-8M. Persoalannya, bolehkah mengulangi kaedah perpaduan sebegini menerusi pendidikan?

Model perpaduan perdagangan Melaka

Tom Pires 1512-1515 juga melaporkan banyak pedagang melakukan aktiviti di Melaka. Semuanya berasa Kerajaan Melaka mesra pedagang. Maklumat tempat asal pedagang seperti berikut:

Cairo, Mecca, Aden, Abyssinian, Kilwa, Malindi, Ormuz, Parsee, Rume, Turk, Turkoman, Christian, Armenian, Gujaratee, Chaul, Dabhol, Goa, Deccan, Malabar, Kling, Orissa, Ceylon, Bengal, Arakan, Pegu, Siam, Cambodia, Cochin/ Viet, China, Lequeo, Lucoe, Laue, Maldive.

Model perpaduan kajian kebudayaan

Kalau serius mahu membuat rombakan sistem pendidikan sekolah dan universiti, kita patut memperkenalkan kajian kebudayaan terhadap Tamadun Melayu, Tamadun Cina dan Tamadun India.

Bukan hanya pembelajaran bahasa seperti yang dilaksanakan sekarang. Hanyalah menerusi kajian kebudayaan berusia ribuan tahun sahaja, ketiga-tiga tamadun itu akan saling kenal mengenal.

Malah, kajian yang akan memungkinan kita memajukan pelbagai unsur kebudayaan untuk bersaing dalam pelbagai tema globalisasi sekarang, seumpama pendidikan, perniagaan, teknologi, ilmu dan sebagainya.

Bukankah Melayu yang membangun kapal besar sebelum tahun 1000M? Bukankah Cina yang membangun bahan letupan dan kertas?

Bukankah India yang membangun sistem persepuluhan dan angka sunya/ kosong/ sifar=0?

Semua ini tidak terdengar di Malaysia terutama di universiti, adanya perbincangan berkaitan perpaduan yang menjurus kepada persoalan tadi.

Ataupun kesungguhan melakukan sebahagian daripadanya, ketelitian program perpaduan di Malaysia hanyalah program yang tiada isi. Kini, rumpun Melayu di Sarawak dan Sabahpun berasa mereka bukan rumpun Melayu walaupun bahasa pertuturan seharian mereka adalah Austronesia=Melayu-Polinesia.



Terjah buka puasa rumah asnaf

SHAH ALAM - LZS merancang mengadakan terjah berbuka puasa ke rumah asnaf fakir miskin sepanjang Ramadan ini.

Pengurus Besar Pejabat Agihannya, Abdul Basith Hamid, berkata LZS bersama pembayar akan ke lokasi terpilih dengan membawa juadah tanpa memaklumi asnaf.

"LZS akan berkunjung ke empat atau lima rumah untuk hantar juadah berbuka puasa. Salah satu daripadanya akan jadi pilihan untuk berbuka puasa bersama.

"Kakitangan LZS juga dapat mendidik hati dengan merasai kesusahan mereka," katanya.

Beliau berkata, aktiviti santai lain ialah menziarahi peniaga bazar tajaan LZS yang dibuat mengejut sebagai sokongan moral kepada mereka.

"LZS juga akan beri tambahan suntikan modal jika mereka memerlukan bantuan," katanya.

Bayar zakat perniagaan RM12.47 juta

SHAH ALAM - PKNS dan anak syarikatnya hari membayar zakat perniagaan sempena Ramadan sebanyak RM5,145,535.16 kepada LZS.

Bayaran itu dibuat Pengurus Besar PKNS, Azlan Alifiah dan disaksikan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Plus Malaysia Berhad yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Noorizah Abd Hamid pula membayar zakat RM3,133,031.

UMW Holdings Berhad diwakili Pengerusinya, Tan Sri Asmat Kamaludin dan Permodalan Negeri Selangor (PNSB) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Ahmad Omar masing-masing membayar RM2,952,335 dan RM1,241,506.88.

LZS menyumbangkan RM1.77 juta kepada Tabung Kebajikan Perubatan Hospital untuk 17 hospital di Selangor dan Kuala Lumpur.

Sumbangan itu diterima Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Azman Abu Bakar.

JAIS arah solat terawih 20 rakaat



SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengarahkan semua masjid dan surau supaya melaksanakan solat sunat terawih 20 rakaat.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim, berkata peringatan itu selaras dengan syor Jabatan Mufti Selangor sebelum ini.

Katanya, ia bertujuan mengelakkan perselisihan faham dalam melaksanakan jumlah rakaat solat sunat itu sama ada lapan atau 20 rakaat.

"JAIS ada terima beberapa aduan berkenaan pelaksanaan tazkirah di pertengahan solat sunat," katanya pada kenyataan media, 23 Jun lalu.

Menyatakan garis panduan itu dikeluarkan 12 Jun lalu, Haris berkata, tazkirah harus dilakukan selepas solat sunat itu kerana ibadah itu disunatkan pada Ramadan sahaja.

Amy Search perluas sekolah tahfiz

SHAH ALAM - Sekolah Tahfiz, Al-Bayan School Of Quran & Hadith akan dipindah ke lokasi lebih luas dan selesa di Denai Alam selepas sambutan Aidilfitri.

Pemiliknya, Suhaimi Abdul Rahman berusia 57 tahun itu berkata ia berikutan permintaan tinggi ibu bapa untuk mendaftar anak mereka.

Vokalis kumpulan rock Search dikenali sebagai Amy Search itu, berkata, sekolah tahfiz bertempat di Saujana Utama, Sungai Buloh itu kini hanya mampu memuatkan 16 pelajar.

"Kita sewa rumah untuk tempatkan pelajar tahfiz tetapi mereka akan dipindah," katanya pada Program Kebenaran Pendaftaran Pusat Tahfiz di pejabat JAIS, 22 Jun lalu.

Ada kira-kira 185 sekolah tahfiz berdaftar melalui JAIS.

Sekolah miliknya itu mendapat pengiktirafan JAIS sebagai satu daripada 185 sekolah tahfiz swasta berdaftar di Selangor.

Al-Bayan School of Quran & Hadith adalah sekolah khusus untuk kanak-kanak berusia tujuh tahun hingga 15 tahun.

Mereka diajar menghafal Al-Quran, hadis, bahasa Arab selain pelajaran asas seperti bahasa Inggeris dan matematik.

Menyatakan sekolah yang dibina awal tahun lalu itu tidak menunggu lama untuk mendapat kelulusan JAIS, beliau menerima respon positif daripada ibu bapa.

Terdahulu, Penolong Pengarah Kanan Unit Pengurusan Sekolah JAIS, Dr Mohd Kamal Radiman, berkata sesiapa pun termasuk artis boleh mendirikan sekolah swasta selagi mematuhi peraturan ditetapkan.

"Syukur, ada selebriti berminat dalam pendidikan agama. Kita alu-alukan jika ada antara mereka miliki hasrat sama," katanya.

Selain Amy Search, bekas pelakon filem Ali Setan, Azmil Mustapha turut memohonan mendaftar sekolah tahfiz.

Mohd Kamal berkata, JAIS membuat pemantauan bagi memastikan silibus pembelajaran tepat mengikut aliran semasa.



Al-Bayan School of Al-Quran & Hadith menerima pengiktirafan JAIS

“**Sekolah yang dibina awal tahun lalu itu tidak menunggu lama untuk mendapat kelulusan JAIS, beliau menerima respon positif daripada ibu bapa**”

AMY SEARCH
Vokalis kumpulan SEARCH

Tekad ubah persepsi negatif

SHAH ALAM - Dr Mohd Na'im Mokhtar mengangap pelantikannya sebagai cabaran untuk memastikan misi serta visi Jabatan Kehakiman Syariah dicapai.

Menjadi antara Ketua Hakim termuda dalam sejarah menguatkan lagi semangatnya untuk memartabat Mahkamah Syariah Selangor pada kedudukan tertinggi.

"Antara cabaran bakal ialah mengatasi persepsi negatif dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap mahkamah syariah.

"Untuk itu saya bersama seluruh kakitangan jabatan memberi penerangan mengenai fungsi Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

"Saya percaya banyak persepsi negatif terbina atas salah faham," katanya kepada Selangor Kini.



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan watikah pelantikan kepada Dr Mohd Na'im Mokhtar

PROFIL

DR MOHD NA'IM MOKHTAR

Ketua Hakim Syarie Selangor

Umur : 47 tahun

PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari UIAM
- Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM) University of London
- Diploma dalam Undang-Undang Syariah dan Amalan
- Diploma dalam Pentadbiran dan Kehakiman Islam UIAM
- Doktor Falsafah (PhD) Syariah dari UKM
- Malaysian Cheavening Visiting Fellow Oxford University, United Kingdom 2008/2009
- Visiting Fellow di Harvard Law School, Harvard University

PENGALAMAN

- Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Pensyarah Undang-Undang di UIAM 1990-1997,
- Peguam Syarie di Negeri Sembilan, Melaka dan Wilayah Persekutuan
- Peguambela dan Peguamcara Malaysia 1997-1998.
- Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling 1998-2001
- Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2001-2003.
- Pegawai Penyelidik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2003-2005
- Pendakwa Syarie Kanan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan 2007-2008

Ketua Hakim Syarie Selangor baharu

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyerahkan watikah pelantikan kepada Ketua Hakim Syarie Selangor baharu, Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Pelantikan dibuat dalam istiadat di Istana Bukit Kayangan mengikut Seksyen 56 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 berkuat kuasa pada 21 Mei lalu.

Sebelum dilantik ke jawatan itu, Mohd Na'im berusia 47 tahun ialah Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Turut mendapat watikah pelantikan ialah Datuk Mukhyiddin Ibrahim sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Selangor berkuat kuasa 22 Jun lalu.

Beliau ialah bekas Ketua Hakim Syarie Selangor sebelum dinaik pangkat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Menerima watikah lain iaalah 14 Hakim dan lima Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Selangor serta 13 Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

Tiga individu pula menerima tauliah Pendaftar Kanan Perkah-



Datuk Mukhyiddin Ibrahim menerima watikah sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

winan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam dan Wali Raja manakala 19 lain untuk Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam dan Wali Raja.

Kali terakhir Sultan Sharafuddin

mengurniakan watikah pelantikan kepada pegawai Mahkamah Syariah Selangor pada 1 Oktober 2013 membabitkan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

137 sekolah terima RM2.65 juta



OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Sebanyak 137 dekolah di Petaling menerima peruntukan lebih RM2.65 juta melalui program Agihan Bantuan Pendidikan Kerajaan Selangor.

“**la bertujuan menyediakan kemudahan dan persekitaran kondusif untuk pembelajaran**”

NIK NAZMI
Exco Pendidikan

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia bertujuan menyediakan kemudahan dan persekitaran kondusif untuk pembelajaran.

Katanya, bantuan diberi kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

“la diagih mengambil kira jumlah pelajar dan keadaan sekolah berdasarkan borang permohonan,” katanya pada Majlis Agihan Bantuan Pendidikan peringkat daerah itu.

Bantuan turut diberi kepada SJKT Simpang Lima, Klang iaitu SJKT terbesar di Malaysia mem-babitkan hampir 2,450 pelajar.

PPAS Tanjong Karang bakal jadi perpustakaan penuh Santuni 120 pelajar asnaf UNISEL

SHAH ALAM - Bangunan Wisma Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Tanjong Karang dalam proses baik pulih untuk di-jadikan perpustakaan penuh.

Pengarahnya, Mastura Mo-hamad, berkata proses itu bermula dengan beberapa pengubahsuaian bahagian bangunan di tingkat bawah.

“Kita menjalankan kerja baik pulih secara berperingkat dan proses itu dijalankan selepas penyewa bersetuju berpindah, baru-baru ini.

“Bagaimanapun, ia memakan masa kerana banyak kerja perlu dibuat kerana bangunan agak lama dan ada kerosakan,” katanya kepada Selangor Kini.

Mastura berkata, PPAS akan menutup operasi bangunan itu untuk tempoh dua minggu yang dijangka dibuat akhir Jun ini.

Katanya, perpustakaan akan berpindah ke tingkat bawah dan bangunan itu akan beroperasi sepenuhnya selepas semua kerja selesai.

“Wisma PPAS Tanjong Karang antara bangunan melebihi 25 tahun yang disewa kepada swasta bagi tingkat bawah dan dua.

“Kita akan mohon peruntukan tambahan kepada Kerajaan Negeri dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk tujuan ini,” katanya.

Beliau berharap masyarakat Tanjong Karang memahami usaha PPAS dalam menyediakan ke-



“**Kita menjalankan kerja baik pulih secara berperingkat dan proses itu di-jalankan selepas penyewa bersetuju berpindah, baru-baru ini**”

MASTURA MOHAMAD
Pengarah PPAS

mudahan perpustakaan.

“Usaha penjenamaan semula perpustakaan bermula beberapa tahun lalu dan membabitkan lebih 20 perpustakaan.

“Sebahagiannya melalui proses pembinaan semula. Ada juga dinaik taraf,” katanya.

SHAH ALAM - Sekurang-kurangnya 120 pelajar asnaf Universiti Selangor (UNISEL) menerima pek terbuka puasa melalui Program Sentuhan Kasih anjuran Yayasan Kasih Tauhid (YKT).

Pengerusi Eksekutif YKT, Puan Sri Fatini Yaacob, berkata ia siri kedua selepas program tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan

pelajar asnaf.

“Kita mahu melihat mereka memanjangkan usaha YKT kepada insan memerlukan apabila tamat pengajian,” katanya selepas merasmikan program itu di kampus UNISEL Shah Alam, 22 Jun lalu.

Hadir sama, Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad.

Pek makanan berisi nasi ber-lauk, kurma, kuih dan air itu di-agih kepada 70 mahasiswa kampus Shah Alam dan 50 mahasiswa di kampus Bestari Jaya, antara 18 Jun hingga 10 Julai.

“Sebanyak RM40,000 diperuntuk bagi membi-ayai program. Mereka akan

terima pek terbuka puasa kecuali Sabtu, Ahad dan cuti pengajian.

“Program sama turut menyantuni 100 keluarga Islam Orang Asal di Pos Betau, Kuala Lipis, Pahang dan 50 keluarga fakir serta miskin sekitar Kuala Lumpur,” katanya.

Selain UNISEL dan PKNS, program itu juga mendapat tajaan Worldwide Holding, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan beberapa syarikat korporat lain termasuk sumbangan perseorangan.



Mahasiswa UNISEL terima pingat emas IEM

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) terus menempa nama apabila mahasiswanya dianugerah pingat emas Institut Jurutera Malaysia (IEM) 2014.

Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal, Lee Wei Pin menerima anugerah itu di Grand Ballroom Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur, pada 18 April lalu.

Wei Pin yang kini bekerja sebagai jurutera projek di sebuah

syarikat kejuruteraan ternyata bangga dengan pengiktirafan itu.

Beliau yang bakal bergraduasi Oktober ini berharap kejayaan itu dijadikan contoh serta pembakar semangat kepada pelajar lain.

Peniaga, pembeli perlu utamakan kebersihan

Elak keracunan makanan



OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Peniaga Bazar Ramadan diingatkan mengutamakan kebersihan penyediaan makanan dalam keghairahan berniaga dan menambah pendapatan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata ia penting bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan seperti keracunan makanan.

Katanya, amalan pemakaian bersih termasuk mengenakan apron, penutup kepala, sarung tangan dan peka terhadap kelestarian persekitaran penting untuk dipraktik.

Proses penyediaan dan penyimpanan tidak sempurna hingga menyebabkan pembiakan bakteria mengakibatkan

keracunan makanan.

Orang ramai dinasihatkan memilih gerai bersih, elak kunjungi gerai kotor," katanya selepas mengedar risalah kepada peniaga Bazar Ramadan Seri Muda sempena Kempen Keselamatan Bazar 2015, 21 Jun lalu.

Kempen serentak di semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut disertai pemeriksaan premis dan pengendali makanan bazar.

Pada 2014, puluhan kes keracunan makanan dilaporkan termasuk melibatkan kematian di Bazar Ramadan Seri Muda.

Pada tahun sebelumnya, ada satu kes keracunan makanan manakala pada 2012 dan 2011 masing-masing turut mencatat kes kematian akibat keracunan makanan.

Bawa bekas tawar RM3,000

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menganjurkan program Bawa Bekas ke Bazar Ramadan yang menawarkan RM3,000 kepada 10 peniaga bertuah.

Ia bertujuan meningkatkan kualiti bazar dan mengurangkan penggunaan plastik serta polisterin dalam urusan niaga.

Yang Dipertuanya, Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata 10 peniaga bazar yang mengamalkan kempen itu akan menerima RM300 dan sijil penghargaan tiap seorang.

Katanya, MPSJ turut menjalankan program Kutipan Minyak Masak Terpakai dengan menyediakan tong minyak masak di 18 lokasi terpilih untuk dikitar semula.

"Minyak masak terkumpul akan dihantar ke Pusat Biomas sebelum dijadikan biodiesel. MPSJ berharap peniaga beri kerjasama demi menjaga alam sekitar," katanya.

Orang ramai yang ditemui menyambut baik saranan itu bagi menjadikan bazar Ramadan sebagai platform bandar raya hijau.

Pengunjung, Syed Muhammad Aiman, 22 berkata, kempen itu bagus terutama bagi mengurangkan pembuangan sampah yang tidak terkawal.

"Walaupun mungkin agak sukar tapi ia demi kebaikan jangka

“

10 peniaga bazar yang mengamalkan kempen itu akan menerima RM300 dan sijil penghargaan tiap seorang

NOR HISHAM
Yang Dipertua MPSJ

panjang. Apabila peniaga sudah terbiasa, lama kelamaan polisterin terhapus," katanya.

Wafa Shahirah Hairuddin, 24, berkata kempen itu harus diteruskan dari masa ke semasa, bukan hanya di bazar Ramadan.

"Ia boleh di amal selepas Ramadan seperti di pasar malam, bungkus dari kedai makan. Masyarakat boleh contohi sikap pendatang asing yang sering bawa bekas makanan," katanya.

Ahmad Haris Fitri, 24, berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) lain juga harus melaksanakan kempen itu dengan menasihati peniaga supaya mengingatkan pembeli membawa bekas makanan.

"Dengan kerjasama dari kedua belah pihak, kempen itu dapat dilaksanakan dalam jangka panjang," katanya.



Pelbagai kempen kebersihan diharapkan memberi manfaat kepada semua pihak

Peniaga jaga kebersihan atau didenda RM1,000

KAJANG - Peniaga bazar Ramadan bakal berdepan hukuman penalti jika didapati gagal mematuhi arahan kebersihan dan keselamatan penjualan makanan.

Pengarah Jabatan Perlesenan dan Penjaja Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kamaruzaman Salimin, berkata kesalahan lebih tiga kali membolehkan peniaga diarah keluar tapak.

"Penalti merangkumi 15 jenis kesalahan. Jika peniaga didapati bersalah, kita tolak 15 peratus wang cagaran mereka.

"Jika berulang, wang caga-

ran tapak perniagaan dirampas dan peniaga diarah keluar tapak," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan, 21 Jun lalu.

Cagaran berjumlah antara RM2,500 hingga RM4,000.

Beliau berkata, peniaga juga boleh dikompaun RM1,000 jika tidak menjaga kebersihan selepas tamat berniaga.

"Peniaga juga dinasihatkan mengambil suntikan dan berada di tapak sepanjang perniagaan bagi memastikan kebersihan makanan terjamin," katanya.

Terdahulu, Yang Dipertua MPKj, Sayuthi Bakar, berkata peniaga diingatkan supaya menjaga kualiti makanan dan minuman bagi memastikan orang ramai bebas dari keracunan makanan.

"Kita mahu bazar Ramadan meriah, juga pengunjung tiada masalah kesan pembelian makanan," katanya.

Meminta peniaga mengurangkan penggunaan polisterin, beliau berkata, MPKj bersama Jabatan Kesihatan Daerah Kajang meningkatkan aktiviti pengawasan kebersihan di bazar Ramadan.

MPK roboh tiga premis haram

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) meroboh struktur bangunan tanpa izin di Lot 317,318 dan 321 Seksyen 2, Jalan Beringin, Pelabuhan Klang, baru-baru ini.

Yang DiPertuanya, Datuk Mohamad Yacob, berkata ia berikutan pemilik premis gagal mematuhi arahan walaupun notis dikeluarkan sejak 2013.

"Operasi dijalankan terhadap unit yang disyaki ada aktiviti tidak sihat antaranya pelacuran dan penagihan dadah. Ia turut jadi lokasi hisap gam," katanya pada kenyataan media.

Mohamad berkata, tindakan dibuat mengikut Seksyen 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan



(Akta 133) kerana mendirikan bangunan tanpa kelulusan.

"Ia juga berdasarkan aduan penduduk setempat yang membantah kewujudan struktur tu dan meminta tindakan tegas," katanya.

Kata beliau, MPK juga akan

mengambil tindakan meroboh struktur bangunan lain yang dibina tanpa kebenaran terutama kepada pemilik menerima dua notis.

"Operasi turut mendapat kerjasama polis, SYABAS dan TNB," katanya.

MBSA hulur bantuan kepada 120 keluarga

SHAH ALAM - Seramai 120 keluarga menerima sumbangan Ramadan bernilai RM200 dan wang tunai RM50 dari Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat & Pembangunan Komunitinya, Shahrin Ahmad, berkata ia diserahkan kepada penerima kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah.

"Ia bertujuan membantu meringankan beban penduduk Shah Alam dalam membuat persiapan menyambut Ramadan, selain mengukuh ukhuwah bersama," katanya pada kenyataan media.

Shahrin berkata, sumbangan berbentuk barangan kering, keperluan harian seperti beras, bawang, rempah ratus, kicap, minyak, gula dan garam.

"MBSA berharap ia meringankan beban rakyat yang kurang berkemampuan berikutan kos sara hidup semakin meningkat," katanya.



MBSA berharap ia meringankan beban rakyat yang kurang berkemampuan berikutan kos sara hidup semakin meningkat

SHAH RIN AHMAD
Timbalan Pengarah Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti MBSA

Khidmat percuma ulang tahun ke-9 MBPJ

PETALING JAYA - Penduduk daerah ini berpeluang menikmati pelbagai perkhidmatan percuma sempena ulang tahun kesembilan bandar raya itu pada 20 Jun ini.

Ia antaranya melibatkan pengecualian bayaran bagi penggunaan dewan, gelanggang sukan dan kolam renang.

Kolam renang percuma bermula jam 9 pagi hingga 9 malam, gelanggang sukan (8 pagi hingga 11 malam) manakala padang (8 pagi hingga 7 malam).

Bagaimanapun, penggunaan Dewan Banquet, Auditorium, Dataran Petaling Jaya dan Stadium Petaling Jaya tertakluk kepada terma serta syarat.

Sebanyak 1,000 pokok hiasan dan palma percuma pula boleh diambil di Nurseri Jalan Penchala bermula jam 9 pagi hingga 1 petang.

Orang ramai turut boleh memperbaharui atau membuat pendaftaran baru keahlian Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya secara percuma bermula jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang.

Promosi itu terhad kepada 300 orang pertama sahaja.

Maklumat lanjut kunjungi laman sesawang rasmi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) www.mbpj.gov.my atau Facebook Petaling Jaya City Council.



Perbaharui, daftar keahlian percuma di Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.

Kiri: 1,000 pokok hiasan percuma

Kolam renang percuma bermula jam 9 pagi hingga 9 malam, gelanggang sukan (8 pagi hingga 11 malam) manakala padang (8 pagi hingga 7 malam).

Tapak niaga Food Truck kotor

MBPJ menyarankan peniaga van kecil atau 'Food Truck' menjaga kebersihan di tapak niaga.

Datuk Bandar, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata ia berleluasa berikutan sikap sambil lewa peniaga yang tiada sewa tapak.

Keadaan kotor memberi tanggapan negatif kepada pelancong. Ia memburukkan nama Petaling Jaya dan MBPJ sedangkan garis panduan sudah diberi," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Kempen Damansara Uptown Bersih, 16 Jun lalu.

Perketat iklan tepi jalan

MBPJ mengetatkan syarat penggantungan kain rentang, poster dan pelekat di tiang lampu jalan dan dinding bangunan

Penguatkuasa akan ambil tindakan terhadap individu atau syarikat yang berdegil menggantung poster haram tanpa kelulusan MBPJ.

"Kerja pembersihan juga sedang giat dijalankan," kata Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain.



Atlet terima insentif pingat

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Atlet Selangor yang membawa cabaran negara dalam temasya Sukan SEA baru-baru ini akan diberi insentif tanpa mengira warna pingat.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shaari berkata, ia bagi menghargai usaha mereka mengharumkan nama negara. "Bagi atlet yang bermain di peringkat tertentu memang kita ada insentif yang dah ditetapkan.

"Setiap penyertaan ada insentif. Kalau menang pingat emas, perak, gangsa termasuk pecah rekod, kita ada jadual tetap skim insentif," katanya kepada Selangor Kini.

Kontinjen Malaysia dalam Sukan SEA 2015 di Singapura

meraih 186 pingat keseluruhan dengan 62 emas, 58 perak dan 66 gangsa. Atlet Selangor menyumbang 60 pingat keseluruhan.

Amiruddin berkata, pencapaian itu menunjukkan Selangor kekal menjadi negeri pengeluar atlet negara untuk menyerlah pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, jumlah 27 pingat emas atau 43 peratus daripada jumlah keseluruhan 62 emas negara, membuktikan Selangor konsisten menjadi pengeluar atlet.

"Ini menunjukkan program pembangunan berjalan baik dan kita bukan sahaja penyumbang ekonomi terbesar tetapi juga pembangunan sukan.

Katanya, kejayaan atlet pada temasya itu juga menyuntik semangat tambahan kepada usaha pembangunan sukan di negeri itu.

LADA juara bola sepak pantai



SHAH ALAM - Pasukan bola sepak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dinobatkan johan bola sepak pantai Piala Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) 2015.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata pasukan NR City (UiTM Shah Alam) naib johan manakala tempat ketiga milik pasukan Hanelang

Terengganu

"Sebanyak 36 pasukan dari seluruh negara bertanding. Hujan lebat seawal jam 6 pagi tidak mematahkan semangat lebih 350 peserta," katanya pada kenyataan media.

Johan membawa pulang RM3,000, pingat dan piala pusingan manakala naib johan RM2,000 dan tempat ketiga

RM1,000.

Beliau berkata, pantai Morib tidak asing bagi peserta bola sepak pantai tanah air sejak menjadi lokasi Kejohanan Bola Sepak Pantai Sukan Malaysia (SUKMA) 2013.

"Kemudahan infrastruktur dan landskap menjadikannya antara lokasi terbaik penganjuran bola sepak pantai atau sukan lain," katanya.

Sumbang 27 emas Sukan SEA

SHAH ALAM - Atlet Selangor menyumbang 27 daripada 62 pingat emas Malaysia pada Sukan SEA 2015 lalu.

Timbalan Pengarah Pembangunan Sukan Majlis Negeri Selangor (MSNS), Mohamad Nizam Marjugi (**gambar**), berkata pencapaian itu memberangsangkan bagi atlet muda.

"Kita tidak letak sasaran tetapi kita memang mahu atlet kita menjaga standard seterusnya menyumbang seberapa banyak pingat.

"Dengan lebih kurang 70 atlet Selangor mewakili negara, saya kira sumbangan pingat kepada Sukan SEA lalu



membanggakan," katanya kepada Selangor Kini.

Kontinjen Malaysia meraih keseluruhan 186 pingat dengan 62 emas, 58

perak dan 66 gangsa pada Sukan SEA 2015 di Singapura.

Selain pingat emas, atlet Selangor turut menyumbang 18 perak dan 15 gangsa menjadikan keseluruhan 60 pingat.

Antara sumbangan emas atlet Selangor termasuk acara sukan layar dengan tiga emas menerusi Muhd Dhiauddin Rozaini, Muhammad Farhan Hamid dan Norashikin Mohd Sayed.

Atlet gimnastik, Farah Ann Abdul Hadi menyumbang emas terbanyak menerusi pelbagai acara dengan dua emas, satu perak dan tiga gangsa.

Peluang juarai Liga Super terbuka

SHAH ALAM - Pasukan Liga Super Selangor berpeluang merangkul kejuaraan walaupun berada di tangga ketiga, kata Pengurus pasukan, Amirudin Shaari

"Masih banyak perlawanan untuk diharungi dengan kutipan mata pula tidak begitu jauh.

"Kita cuba yang terbaik kerana peluang untuk jadi juara liga masih terbuka," katanya kepada Selangor Kini.

“Masih banyak perlawanan untuk diharungi dengan kutipan mata pula tidak begitu jauh”

AMIRUDIN SHAARI

Pengurus Pasukan Liga Super Selangor



WAKTU SOLAT SELANGOR							
26 JUN - 3 JULAI 2015							
9 - 16 RAMADAN 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Jumaat	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:43
27 Sabtu	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
28 Ahad	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
29 Isnin	5:34	5:44	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
30 Selasa	5:34	5:44	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44
01 Rabu	5:34	5:44	7:08	1:20	4:45	7:29	8:44
02 Khamis	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44
03 Jumaat	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Jumaat	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
27 Sabtu	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
28 Ahad	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
29 Isnin	5:36	5:46	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
30 Selasa	5:36	5:46	7:09	1:22	4:47	7:31	8:46
01 Rabu	5:36	5:46	7:10	1:22	4:47	7:31	8:46
02 Khamis	5:36	5:46	7:10	1:22	4:48	7:31	8:46
03 Jumaat	5:37	5:47	7:10	1:22	4:48	7:31	8:47



AKTIF...
Berppuasa bukan penghalang bagi Ahmad, 7 untuk bermain seperti hari kebiasaan beliau di Taman Permainan Tasik Shah Alam sambil ditemani rakan sepermainan berbangsa Cina Chen, 7

PNSB FC juara Piala FAS

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB FC) mempertahankan kejuaraan selepas menewaskan Perbadanan Kemanjangan Negeri Selangor (PKNS FC).

Perlawanan akhir Piala Liga Super (FAS) 2015 di Stadium Shah Alam, baru-baru ini, menyaksikan kerancangan serang balas sebelum PKNS FC menjaringkan gol pada minit ke-72.

Sekalipun seorang pemain PNSB FC dilayang kad merah pada awal separuh masa pada separuh masa pertama, mereka dapat menyamakan kedudukan melalui sepakan penalti pada minit ke-88.

Perlawanan berlarutan ke masa tambahan dan terpaksa ditentukan melalui sepakan penalti.

Kecemerlangan penjaga gol yang menyelamatkan dua sepakan penalti membolehkan



PNSB FC menang menerusi jaringan 4-2.

PNSB FC dibarisi sebahagian pemain muda dari Akademi Bola Sepak PNSB.

Turut menyaksikan perlawanan, Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Amirudin Shari dan Naib Presiden FAS, Datuk Emran Kadir.



Perlawanan akhir Piala Liga Super (FAS) 2015 di Stadium Shah Alam, baru-baru ini, menyaksikan kerancangan serang balas sebelum PKNS FC menjaringkan gol pada minit ke-72

Liga Super: Pemain sempat Terawih

SHAH ALAM - Pemain Liga Super Selangor menganggap sesi latihan dan perlawanan pada Ramadan sebagai cabaran kepada kekuatan mental dan fizikal.

Pemain pertahanan, Azmi Muslim berkata ini berikutan kekurangan air dan makanan sebagai bekalan tenaga mempengaruhi kecergasan dan kemampuan pemain.

"Memang cabaran kepada pemain mengekal kecergasan. Kami perlu berhati-hati mengambil makanan semasa berbuka, tak boleh terlalu banyak tetapi kena pastikan mampu bekalkan tenaga," katanya.

Beliau berkata, jadual latihan dipinda jam 10 hingga 12 tengah malam setiap hari berbanding sebelumnya jam 5 petang hingga 7 malam.

"Kami sempat bersolat terawih lapan rakaat di tempat latihan. Selepas itu jalani latihan sebelah malam. Paginya, sempat bersahur pula.

"Memang agak meletihkan berbanding hari biasa tetapi inilah cabaran," katanya kepada Selangor Kini.

Pemain pertahanan tengah,



“ Kami sempat bersolat terawih lapan rakaat di tempat latihan

AZMI MUSLIM
Pemain Pertahanan

Rizal Fahmi mengakui agak meletihkan pada beberapa hari pertama puasa tetapi mereka dapat menyesuaikan diri.

"Bermain bola banyak guna tenaga. Ini jadi cabaran di bulan puasa kerana Liga Super diteruskan," katanya.